

"DARIPADA Anas bin Malik ia berkata, telah bersabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam : Sesungguhnya perumpamaan orang-orang yang berilmu pengetahuan di muka bumi ini seperti bintang-bintang di langit yang menjadi petunjuk dan menerangi di dalam kegelapan sama ada di daratan mahupun di lautan, apabila ia terbenam atau hilang dikuatiri akan hilang arah tujuan". (Riwayat Al-Imam Ahmad).



MEMPERKUKUH HUBUNGAN PARLIMEN SERANTAU, MEMBINA KOMUNITI LEBIH INKLUSIF

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

KUALA LUMPUR, Ahad, 21 September. - Majlis Mesyuarat Negara (MMN) telah menghadiri Perhimpunan Agung ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) Ke-46 dihoskan oleh Parlimen Malaysia pada 16 hingga 22 September 2025, bertempat di World Trade Centre, Kuala Lumpur, Malaysia.

Perhimpunan pada tahun ini memfokuskan kepada tema 'Parliament at the Forefront for Inclusive Growth and Sustainable ASEAN'.

Rombongan Negara Brunei Darussalam (NBD) diketuai oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib dan disertai oleh 12 Ahli MMN.

Hadir bersama ialah Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah serta pegawai-pegawai dari Urus Setia MMN.

Sepanjang tempoh lima hari,



ROMBONGAN Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara menghadiri Perhimpunan Agung ASEAN Inter-Parliamentary Assembly Ke-46 yang diadakan di World Trade Centre, Kuala Lumpur, Malaysia.

Perhimpunan Agung AIPA Ke-46 telah bersidang dalam membincangkan dan meluluskan sebanyak 42 buah resolusi merentasi enam Jawatankuasa Tetap, iaitu

politik, ekonomi, sosial, Ahli Parlimen Wanita AIPA (WAIPA), Ahli Parlimen Muda AIPA (YPA) dan Organisasi.

>> Muka 3

Terus menyediakan pelbagai program bagi meningkatkan kesedaran mengenai Demensia

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 September. - Demensia bukan hanya sekadar masalah kesihatan, ia adalah satu perjalanan kehidupan yang penuh cabaran dan pengorbanan. Demensia melibatkan bukan sahaja individu yang mengalaminya tetapi juga ibu bapa, adik-beradik, ahli keluarga, sahabat handai, jiran dan rakan sekerja.

Pada ketika ini, lebih 55 juta orang di seluruh dunia menghidap Demensia dan di sebalik setiap penghidap Demensia adalah keluarga atau penjaga yang memikul beban dan tanggungjawab penjagaan yang memerlukan sokongan padu dan berterusan.

>> Muka 3

Memperkukuh kerjasama industri baharu, mempromosikan pertumbuhan mampan

Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

NANNING, Sabtu, 20 September. - Ekspo China-ASEAN Ke-22 (CAEXPO) berlangsung dari 17 hingga 21 September 2025 di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Nanning (NICEC), Nanning, Republik Rakyat China dengan membawa tema 'Kecerdasan Digital dan Inovasi Memperkasa Pembangunan - Memanfaatkan peluang baharu FTA 3.0 China-ASEAN untuk komuniti berkongsi masa depan yang lebih erat antara China dan ASEAN'.

Majlis Perasmian CAEXPO Ke-22 diadakan pada 17 September 2025 dan disempurnakan oleh Naib Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Han Zheng.

Delegasi Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

>> Muka 6

Berita Utama



MEWUJUDKAN kehidupan
kampus lebih seimbang,
produktif, bermakna

Muka 8



MAJLIS bercorak keagamaan
semarakkan Sambutan Maulidur
Rasul

Muka 10



MENGALAKKAN koperasi
meneroka bidang perniagaan
baharu

Muka 19



RENCANA

GURU penggerak utama sistem
pendidikan yang relevan

Muka 21

Ilmu agama, teras pembangunan bangsa, negara

Siaran Akhbar : Kementerian
Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 September. - Ilmu adalah cahaya kehidupan yang membimbing manusia ke jalan benar. Ilmu tanpa amal tidak berguna dan amal tanpa ilmu mudah tersasar.

Dengan ilmu lahirlah rasa takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala, menjadi amal jariah yang berpanjangan serta membina masyarakat dan negara yang amanah dan maju.

Inilah kunci mencapai Wawasan Brunei 2035 iaitu melahirkan rakyat berilmu, berakhlak dan berbakti kepada agama serta negara. Sementara Pendidikan Ugama Formal di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang sudah menjangkau usia 69 tahun berperanan penting memastikan ilmu agama menjadi teras pembangunan bangsa dan negara.

>> Muka 7



MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku Menteri Bertanggungjawab bagi Keselamatan Siber dalam ucapannya semasa Persidangan Keselamatan Siber Brunei (CySec) Ke-3, 2025 pada Isnin, 15 September 2025, yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun.

Terjemahan dari teks asal oleh :
Ak. Jefferi Pg Durahman

Bismillahir Rahmanir Rahim.
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen.
Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Ambiaie Walmursaleen,
Saidina Muhammadin Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajama'een.

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan selamat pagi.

Wujudkan dunia digital selamat, menentang penjenayah siber

ACARA hari ini menandakan Ulang Tahun Ke-3 Persidangan Keselamatan Siber Brunei (CySec). Sejak penubuhan, acara itu telah berkembang, dari segi topik yang diliputi dan telah banyak menarik penyertaan pihak yang berminat, baik dari dalam mahupun luar negara, mengenai hal keselamatan siber.

Persidangan ini telah membuktikan kepentingan apabila ia menyediakan para peserta dengan maklumat yang berharga mengenai ancaman-ancaman keselamatan siber yang baru muncul. Para peserta akan mendapat manfaat daripada pengetahuan terkini mengenai risiko keselamatan siber yang berkembang, dengan tujuan mereka boleh melindungi sistem mereka dengan lebih baik untuk menentang penjenayah siber.

Oleh itu, saya amat berbesar hati berdiri di hadapan awda pagi ini untuk merasmikan Persidangan CySec 2025 Ke-3 dengan tema Beyond Protection: Empowering a Cyber-Smart Society'.

Saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas saya kepada Keselamatan Siber Brunei (CSB) dan Persatuan CSB kerana bekerjasama menganjurkan persidangan ini serta kepada semua rakan kongsi persidangan, penaja dan peserta yang telah menjayakan acara ini. Saya berasa terdorong dengan kenyataan persidangan ini yang telah menyatukan para penceramah dan peserta daripada jabatan, perniagaan, industri, akademik dan masyarakat sivil.

Bermula daripada perbincangan persidangan yang lalu, meliputi topik yang merangkumi rangka kerja pengawalseliaan,

perlindungan data, teknologi pertahanan siber, dan membina kumpulan bakat keselamatan siber kita, kita kini beralih kepada tema tahun ini 'Beyond Protection: Empowering a Cyber-Smart Society'. Ini mengingatkan kita bahawa, keselamatan siber bukan lagi sekadar memastikan ancaman dapat dibendung. Ia adalah mengenai memupuk tahap pengetahuan yang betul, membina daya tahan dan memberi orang keyakinan untuk membuat pilihan yang tepat dalam talian. Untuk menjadi *cyber-smart* bukan kemahiran teknikal semata-mata. Ia adalah satu pemikiran, satu tabiat, dan tanggungjawab bersama. Ia adalah mengenai ilmu, daya tahan dan tanggungjawab.

Kita semua tahu bahawa ancaman ini adalah benar dan ia berkembang pesat. *Ransomware* boleh melumpuhkan organisasi, pelanggaran data mendedahkan maklumat sensitif dan kempen disinformasi boleh menghakis kepercayaan terhadap institusi kita.

Negara Brunei Darussalam tidak kebal terhadap perkara ini. Sedang teknologi semakin canggih, begitu juga kecanggihan dan skala serangan ini. Kita tidak boleh hanya bergantung pada *firewalls* dan perisian antivirus lagi. Perlindungan reaktif tidak lagi mencukupi.

Jadi, apakah yang dimaksudkan dengan "memperkasakan masyarakat yang bijak siber?" Ia bermaksud melengkapi setiap rakyat dengan pengetahuan, kemahiran dan kesedaran untuk mengemudi dunia digital dengan selamat dan bertanggungjawab. Ini bermakna bergerak dari pendirian pasif bergantung kepada pakar kepada peranan

aktif di mana semua orang memahami risiko dan bagaimana untuk mengurangkannya. Ini bukan hanya pekerjaan untuk para profesional IT. Ia adalah tanggungjawab bersama.

Bagi individu, menjadi *cyber-smart* bermaksud mengiktiraf percubaan memancing data, melindungi data peribadi, dan berfikir dua kali sebelum mengklik atau berkongsi. Tabiat ini bukan sahaja melindungi kita, malah keluarga kita.

Bagi masyarakat, ia bermakna membina kewaspadaan budaya dalam pertubuhan dan juga pembelajaran di sekolah-sekolah tempat kerja, masyarakat, dan institusi. Dalam masyarakat yang bijak siber, semua orang memainkan peranan. Keselamatan siber bukanlah tanggungjawab beberapa pakar. Ia adalah tugas kita semua.

Untuk membina masyarakat sedemikian memerlukan usaha dan penyertaan yang berterusan oleh semua. Untuk mencapainya, kita perlu mewujudkan pendidikan keselamatan siber yang menyeluruh di sekolah-sekolah, tempat-tempat kerja dan masyarakat. Pendidikan ini harus sesuai dengan umur dan memberi tumpuan kepada kemahiran praktikal: mengenali penipuan memancing data, pengurusan kata laluan, memahami tetapan privasi, mengenal pasti dan melaporkan aktiviti yang mencurigakan.

Kerjasama juga penting. Jabatan, industri, akademik dan orang awam mesti bekerjasama. Berkongsi maklumat risikan ancaman, membangun dan mengamalkan amalan terbaik keselamatan siber termasuk teknologi baru dan menyelaraskan tindak balas insiden.

>> Muka 6

WAKTU SEMBAHYANG										
SEPTEMBER	HARI	RABIULAWAL	IMSAR	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
22	ISNIN	29	4.43	4.53	6.10	6.32	12.14	3.21	6.17	7.25
23	SELASA	1	4.42	4.52	6.09	6.32	12.14	3.21	6.16	7.25
24	RABU	2	4.42	4.52	6.09	6.31	12.13	3.22	6.16	7.24
25	KHAMIS	3	4.42	4.52	6.09	6.31	12.13	3.22	6.15	7.24
26	JUMAAT	4	4.42	4.52	6.09	6.31	12.13	3.22	6.15	7.24
27	SABTU	5	4.42	4.52	6.09	6.31	12.12	3.22	6.14	7.23
28	AHAD	6	4.41	4.51	6.08	6.31	12.12	3.22	6.14	7.23

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Tutong			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Kuala Belait			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 22 SEPTEMBER 2025

Mewujudkan kedamaian sedunia

HARI Kedamaian Sedunia disambut pada setiap 21 September setiap tahun di seluruh dunia. Kedamaian dunia adalah konsep di mana semua negara hidup damai, aman, tenteram dan bebas daripada peperangan di dunia. Tanpa kedamaian, struktur pembangunan, pendidikan, kesihatan, hingga ekonomi boleh hancur. Negara-negara di dunia sangat memerlukan kedamaian demi kelangsungan hidup bernegara.

Kedamaian dunia dapat dicapai dengan adanya hubungan yang baik antara negara. Negara yang hidup damai akan membuat warganya juga hidup dalam kemakmuran. Tanpa kedamaian dunia, sebuah negara tidak akan dapat melaksanakan program pembangunannya.

"Kemerdekaan, keamanan dan kemakmuran adalah idaman semua orang, semua bangsa di dunia. Tetapi untuk mendapatkannya tidaklah semudah yang dikata. Di sinilah alhamdulillah, negara kita dengan izin Allah telah pun mencapainya. Ia sudah wujud dan sedang dinikmati. Kita akan tatang ia dan pertahankan".

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-35, Tahun 2019.

Kestabilan politik juga penting untuk kedamaian dunia bagi kemajuan sebuah negara. Kestabilan politik akan memberikan kesan baik bagi hubungan negara yang saling bekerjasama. Generasi muda juga hendaklah mengetahui bahawa walaupun peperangan tidak berlaku di rantau ini akan tetapi kewajipan dalam memelihara negara sangatlah penting agar keamanan dan kedamaian dapat dikekalkan dalam negara.

Keamanan dan kedamaian juga adalah tunjang kepada pembangunan dan kemajuan sesebuah negara. Hal ini kerana, apabila negara itu dalam keadaan aman, maka proses untuk memajukan negara menjadi mudah apatah lagi masyarakat juga bersatu padu dalam hal tersebut. Maka tidak dapat dinafikan lagi di mana keamanan dan kedamaian ini sangat penting dalam sesebuah negara. Dalam hal ini, belia mempunyai peranan yang signifikan dalam menentukan hala tuju ke arah negara yang makmur dan sejahtera.

Kita telah melihat contoh nyata keburukan perang yang bukan sahaja mengorbankan nyawa bahkan meruntuhkan ekonomi, pembangunan negara. Kedamaian adalah satu-satunya harapan yang menjadi impian rakyat negara yang sedang berperang.

Saban hari kita mendengar laporan penderitaan rakyat negara yang berperang. Kehidupan yang sudah tidak dapat menjanjikan kebahagiaan serta kedamaian yang diharapkan menggambarkan penderitaan yang dihadapi.

Justeru, kita seharusnya menghargai serta menjunjung tinggi keamanan negara yang kita kecapi. Tidak semua orang bertuah seperti kita yang menikmati hidup yang tenang, aman serta jauh daripada persengketaan.

Oleh itu, kedamaian dunia perlu diperjuangkan bagi menghindari korban jiwa. Kedamaian dunia menjamin keselamatan dan keamanan bagi semua warga negara. Dengan menjaga kedamaian, perang dan keganasan dapat dihindari, sehingga mencegah hilangnya nyawa dan penderitaan.

Kesimpulannya, kedamaian dunia adalah tujuan yang sangat penting dan harus diperjuangkan oleh semua pihak. Dalam usaha mencapai kedamaian dunia, kerjasama dan komitmen dari semua negara dan individu akan menjadi kunci keberhasilannya. Syukurilah nikmat keamanan yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan kepada negara kita. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunel@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita-brunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Memperkukuh hubungan parlimen serantau, membina komuniti lebih inklusif

>> Muka 1

Resolusi-resolusi yang diluluskan mencerminkan komitmen bersama AIPA dalam menangani cabaran serantau, memperkukuh daya tahan serta menggalakkan keterhubungan demi manfaat rakyat ASEAN.

Hasil perhimpunan menandakan satu pencapaian baharu bagi Perhimpunan Agung dengan jumlah resolusi tertinggi yang diterima pakai pada tahun ini. Komiti Politik telah membincangkan antara lain inisiatif keamanan, kerjasama menentang jenayah siber, peranan Parlimen dalam mempertahankan hak asasi manusia, pengawasan kesan perubahan iklim dan situasi kemanusiaan.

MMN diwakili oleh Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Komiti Ekonomi memberi tumpuan kepada pelaksanaan AEC Blueprint 2025, pembangunan ekonomi hijau dan biru (green and blue economies), perdagangan karbon, kesan tarif global, perdagangan intra-ASEAN, keselamatan tenaga serta transformasi ekonomi digital.

MMN diwakili oleh Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Yang Berhormat Awang Lau How Teck dan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

Sementara, Komiti Sosial membincangkan perlindungan sosial dalam menghadapi krisis iklim, kawalan minuman beralkohol, piawaian Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), penjagaan kesihatan yang berkualiti serta tindakan bersepadu menangani isu dadah.

MMN diwakili oleh Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji

Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam dan Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Manakala, Komiti WAIPA pula mengesahkan resolusi berkaitan penyertaan politik wanita, pembangunan *care economy* serta usaha memperkukuh kemahiran digital wanita bagi merapatkan jurang digital gender.

MMN diwakili oleh Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam dan Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Sementara, Komiti Ahli YPA menekankan peranan belia dalam politik dan kepimpinan, penglibatan dalam peralihan digital, serta sumbangan terhadap pembangunan ekonomi inklusif. Mesyuarat turut menyoroti lawatan kerja pertama YPA-AIPA dan Roundtable Discussion : Youth in Action.

MMN diwakili oleh Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee dan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Komiti Organisasi pula meluluskan resolusi berkaitan pentadbiran AIPA termasuk laporan kewangan, belanjawan tahunan serta inisiatif-inisiatif tahunan AIPA. Mesyuarat juga membincangkan pindaan kepada statut, penganugerahan AIPA *distinguished award* dan lantikan Setiausaha Agung AIPA baharu.

MMN diwakili oleh Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin dan Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini.

Perhimpunan Agung AIPA Ke-46 turut mengadakan Sesi Dialog bersama 14 Parlimen Pemerhati AIPA dengan tema 'ASEAN Centrality : Catalysing an Inclusive Regional Architecture for a Sustainable Future'.

Dialog berkenaan telah mengadakan



PERHIMPUNAN Agung AIPA Ke-46 turut mengadakan Sesi Dialog bersama 14 Parlimen Pemerhati AIPA dengan tema 'ASEAN Centrality : Catalysing an Inclusive Regional Architecture for a Sustainable Future'.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

pertukaran pandangan yang substantif terhadap kerjasama ekonomi, tenaga boleh diperbaharui, transformasi digital, teknologi hijau dan perdagangan mampan.

Sidang Plenari Kedua diadakan pada 20 September 2025 dengan pembentangan laporan pencapaian Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Komiti-komiti dan diakhiri dengan persetujuan melalui penandatanganan sebuah Kenyataan Bersama (Joint Communique).

Menutup tirai Perhimpunan Agung AIPA Ke-46 tahun ini, majlis penutup telah berlangsung dengan menyaksikan penyerahan Pengerusi AIPA dari Malaysia kepada Republik Filipina selaku tuan rumah

Perhimpunan Agung Ke-47 pada tahun hadapan.

Pada majlis penutup, penyerahan tugas Setiausaha Agung AIPA turut diadakan antara Setiausaha Agung AIPA, Puan Yang Terutama Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman dari NBD kepada Setiausaha Agung baharu, Dr. Chem Widhya dari Kemboja.

Penyertaan MMN dalam Perhimpunan Agung AIPA Ke-46 mencerminkan sokongan serta usaha berterusan NBD dalam memperkukuh hubungan antara parlimen serantau, seiring dengan usaha ASEAN membina komuniti yang lebih inklusif, berdaya tahan dan mampan.

TERUS MENYEDIAKAN PELBAGAI PROGRAM BAGI MENINGKATKAN KESEDARAN MENGENAI DEMENSIA



SAMBUTAN Hari Demensia atau Alzheimer's Sedunia diraikan pada 21 September 2025 dengan membawakan tema 'Tanya Mengenai Demensia, Tanya Mengenai Alzheimer's'.

>> Muka 1

Menurut kajian Global Burden of Disease Study 2019, terdapat kira-kira 1,574 pesakit Demensia di Negara Brunei Darussalam (NBD) pada 2019 dan jumlah berkenaan dianggarkan akan meningkat kepada 7,317 kes menjelang 2050.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Sambutan Hari Demensia atau Alzheimer's Sedunia yang diraikan pada 21 September 2025 dengan tema 'Tanya Mengenai Demensia, Tanya Mengenai Alzheimer's' (Ask about Dementia, Ask about Alzheimer's).

Menurut Yang Berhormat lagi, peningkatan berkenaan bukan sahaja bermaksud lebih ramai

individu yang akan menghidap Demensia tetapi bilangan penjaga juga akan terus meningkat. Dengan perubahan demografik jumlah penduduk NBD yang semakin menua, lebih ramai keluarga akan mengalami cabaran untuk menjaga pesakit Demensia.

Pada masa ini, tambah Yang Berhormat, belum terdapat ubat untuk Demensia, hanya pilihan rawatan simptomatik dan rawatan pengubahsuaian penyakit. Justeru itu, penjagaan yang berterusan, pembarigaan maklumat serta nasihat yang tepat, sokongan moral dan program pemulihan yang dapat membantu mengoptimalkan fungsi adalah sangat penting.

"Sama ada melalui galakan untuk terus aktif dalam kehidupan seharian ataupun melalui sokongan masyarakat agar mereka dapat hidup dengan lebih bermakna dan sejahtera.

"Sebagai rakyat NBD, kita berpegang teguh pada ikatan kekeluargaan serta nilai murni dalam menjaga, datuk dan nenek, ibu bapa dan ahli keluarga kita.

"Nilai-nilai ini mengingatkan kita bahawa menjaga mereka yang terkesan terutamanya mereka yang mengalami Demensia, bukan sekadar satu tanggungjawab tetapi juga amanah dan penghormatan yang melambangkan kasih sayang, kesetiaan dan kemuliaan sebuah keluarga," jelas Yang Berhormat.

Namun begitu, ujar Yang Berhormat lagi, terlalu kerap Demensia diselubungi oleh ketakutan, keraguan dan kesunyian. Ramai keluarga pesakit Demensia memilih untuk berdiam diri kerana rasa takut, keraguan atau ketidakpastian. Sementara individu yang berisiko menghidap Demensia pula menanggungkan langkah untuk mendapatkan bantuan.

Dalam pada masa yang sama, jelas Yang Berhormat, masyarakat di sekeliling mereka kadangkala kurang tampil menghulurkan sokongan. Semua ini menjadikan perjalanan Demensia lebih sepi dan mencabar daripada yang sepatutnya.

Yang Berhormat selanjutnya berkata penghidap Demensia masih boleh menjalani kehidupan yang positif. Mereka layak mendapat sokongan dan bantuan apabila menghadapi kesukaran dan harus diberikan perhatian yang sewajarnya.

"Bertepatan dengan itu, tema Sambutan Hari Alzheimer's Sedunia 2025 ialah 'Tanya mengenai Demensia, Tanya mengenai Alzheimer's'. Oleh itu,

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

saya menyeru agar masyarakat kita menjadi lebih prihatin dan lebih kuat dalam menyokong penghidap Demensia serta penjaga mereka melalui usaha-usaha berikut.

"Mengubah persepsi terhadap Demensia, iaitu terlalu banyak mitos berhubung penyakit Demensia seperti anggapan bahawa Demensia itu hanya 'penuaan biasa' atau tiada apa yang boleh dilakukan untuk mencegah atau mengawalinya. Kepercayaan ini menyebabkan ramai tidak mendapatkan bantuan yang mereka perlukan.

"Kita perlu memperbetulkan persepsi ini. Penghidap Demensia berhak untuk dikenali, dihormati dan dijaga dengan maruah. Dengan mengubah cara kita berfikir dan berkomunikasi tentang Demensia, kita turut mengubah cara kita melayan dan menyokong mereka yang mengalaminya," ujar Yang Berhormat lagi.

Seterusnya Yang Berhormat mengongsikan membiasakan diri untuk bertanya soalan. Dalam kebanyakan keluarga dan masyarakat, Demensia masih sering dibicarakan secara terbatas atau tidak sama sekali.

Perkara ini kata Yang Berhormat lagi, wajar diberikan perhatian yang lebih terbuka. Sekiranya seseorang berasa bimbang tentang masalah ingatan, adalah digalakkan untuk mendapatkan penilaian perubatan daripada doktor. Bagi yang ingin mengetahui tatacara memberikan sokongan kepada mereka yang mengalami Demensia, rujukan boleh dibuat kepada agensi berkaitan seperti Persatuan Demensia Brunei.

Bagi yang ingin memahami dengan lebih jelas tambah Yang Berhormat, bahan rujukan rasmi seperti Alzheimer's Disease International atau nasihat daripada profesional penjagaan kesihatan boleh dijadikan panduan.

Yang Berhormat seterusnya menambah, memberikan komitmen untuk belajar lebih banyak. Kesedaran mengenai Demensia sahaja mungkin tidak memadai. Oleh itu, kita boleh memperluaskan pemahaman mengenainya melalui pelbagai cara seperti menghadiri bengkel atau ceramah berkaitan Demensia, membaca bahan kesihatan yang sahih serta mendengar pengalaman pesakit Demensia atau penjaga mereka.

"Dengan berbuat demikian, kita dapat memahami bagaimana Demensia memberi kesan kepada otak, mengubah tingkah laku dan yang lebih penting, bagaimana untuk memberikan penjagaan yang sewajarnya.

"Kita juga berpeluang untuk belajar secara langsung daripada mereka yang menghidap Demensia dan penjaga mereka. Apabila kita lebih memahami, kita juga akan lebih bersedia untuk bertindak balas dengan penuh belas kasihan," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat selanjutnya mengongsikan dengan menunjukkan lebih banyak sokongan. Demensia bukan sekadar cabaran yang dihadapi oleh keluarga atau masyarakat tertentu tetapi merupakan isu global yang dihadapi oleh ramai individu di seluruh dunia.

MEMBACA SURAH YAA SIIN, TAHLIL SEMPENA HARI GURU KE-35



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil sempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2025.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 September. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan petang tadi mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil sempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun

2025, bertempat di Kubah Makam Diraja, di sini.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti

Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, serta Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri

Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Nazir Khas, Jabatan Pengajian Islam, Awang Haji Abdullah bin Haji Sahat, diikuti dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah.

Acara diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan

Negara Brunei Darussalam.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad; Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam; Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan; Timbalan Setiausaha-setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan serta para pegawai kanan dari KHEU dan Kementerian Pendidikan.

Turut hadir, para pegawai, guru serta pelajar dari institusi pendidikan di bawah KHEU dan Kementerian Pendidikan.

Tema bagi Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2025 ialah 'Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi'.

Tanda penghargaan, pengiktirafan jasa bakti memperkukuh perkhidmatan kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 September. - Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Kesihatan malam tadi menganjurkan Majlis Malam Gala bagi meraikan 25 tahun desentralisasi perkhidmatan penjagaan kesihatan asasi sekali gus penghargaan kepada pegawai dan kakitangan yang telah berkhidmat di bawah jabatan berkenaan sepanjang tempoh tersebut sehingga kini.

Majlis tersebut juga bagi menyampaikan anugerah khas kepada pegawai-pegawai yang telah memberikan sumbangan bakti yang signifikan semasa berkhidmat di bawah jabatan Perkhidmatan Kesihatan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan isteri, Datin Dr. Hajah Noraslinah@Norsurainah binti Haji Ramlee.

Terdahulu, Pemangku Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Pengiran Dr. Hajah Siti Nasibah binti Pengiran Haji Ismail, selaku Pengerusi Bersama Majlis dalam alu-aluannya berkata apabila dasar desentralisasi perkhidmatan penjagaan kesihatan asasi mula dilaksanakan pada 2000, ia menjadi titik perubahan besar dalam cara kita menyampaikan rawatan kepada rakyat.

Menurut Pengiran Dr. Hajah Siti Nasibah lagi, sejak itu, pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik di

YANG Berhormat Menteri Kesihatan dan isteri hadir selaku tetamu kehormat pada Malam Gala berkenaan.

seluruh negara bukan sahaja menjadi barisan hadapan untuk rawatan awal tetapi juga benteng pencegahan penyakit serta memainkan peranan dalam pengukuhan gaya hidup sihat dan pendidikan kesihatan.

"Hasilnya, hospital-hospital kita dapat bernafas lebih lega, sementara rakyat pula lebih mudah mendapatkan rawatan yang mudah diakses dan mesra rakyat, berkualiti dan berkesan.

"Namun, pencapaian selama suku abad ini tidak akan mungkin terhasil tanpa insan-insan hebat di belakangnya, doktor, jururawat, pegawai kesihatan bersekutu, kakitangan sokongan dan semua warga kerja yang telah berkorban masa, tenaga dan jiwa demi khidmat untuk masyarakat," ujarnya.

Pengiran Dr. Hajah Siti Nasibah seterusnya berkata, malam ini, kita berdiri bukan sekadar meraikan dasar desentralisasi, tetapi yang lebih penting kita meraikan *biskita* semua, insan yang telah menyumbangkan bakti dengan penuh dedikasi sepanjang perjalanan ini.

Program malam ini tambah lagi, termasuklah penyampaian penghargaan khas kepada 78 pegawai dan kakitangan yang telah menabur bakti selama 25 tahun di bawah Jabatan Perkhidmatan Kesihatan.

"Tidak ketinggalan, kita juga



menyaksikan penyampaian anugerah khas kepada pegawai-pegawai yang pernah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan telah memberikan sumbangan signifikan kepada sistem kesihatan negara.

"Sesungguhnya, jasa dan bakti mereka ini telah meninggalkan kesan mendalam yang akan terus dikenang sepanjang zaman. Bagi yang telah bersama sejak awal 25 tahun lalu, jasa dan pengorbanan *biskita* akan terus menjadi tiang seri dalam sejarah sistem kesihatan negara kita.

"Namun tidak dilupakan, pegawai dan kakitangan yang lebih muda, yang masih belum mencapai 25 tahun perkhidmatan, *biskita* juga adalah nadi yang amat penting. Kita tahu cabaran yang *biskita* hadapi hari ini semakin berbeza, lebih kompleks, lebih mencabar tetapi kehadiran *biskita*

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

dan usaha gigih *biskita* sangat kami hargai," katanya lagi.

Tanpa generasi baharu yang bersemangat dan penuh tenaga ini jelasnya, kesinambungan serta masa depan sistem kesihatan negara tidak akan terjamin. Sesungguhnya, gabungan pengalaman mereka yang lama dengan semangat dan tenaga mereka yang lebih muda inilah yang menjadikan sistem kesihatan kita teguh, dinamik dan bersedia menghadapi apa jua cabaran.

Adapun para penerima penghargaan dan anugerah terdiri daripada pelbagai profesion termasuk doktor, jururawat, profesional kesihatan bersekutu serta kakitangan bantu, sebagai tanda pengiktirafan terhadap jasa bakti mereka dalam memperkukuh

perkhidmatan kesihatan asasi di negara ini.

Majlis dihadiri oleh pegawai dan kakitangan di bawah kawalan jabatan, termasuk dari pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik kesihatan di seluruh negara, sebagai simbol penghargaan dan pengiktirafan terhadap jasa bakti mereka dalam memperkukuh perkhidmatan kesihatan asasi di negara ini.

Turut hadir, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

TANAMKAN CINTA KEPADA RASULULLAH

■ Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami



Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, yang merupakan utusan terakhir Allah Subhanahu Wata'ala dan pembawa rahmat kepada seluruh alam. Ia memberi peluang kepada warga Kementerian Kesihatan untuk mengenang kembali sirah kehidupan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, akhlak mulia serta perjuangan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan agama Islam.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ketua Unit Perkhidmatan Uagama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Awang Ahmad Syuja'iee bin Begawan Mudim

BERAKAS, Sabtu, 20 September. - Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar dan Jabatan Dasar dan Perancangan, Kementerian Kesihatan menganjurkan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, pagi tadi. Majlis berkenaan bertujuan untuk memperingati kelahiran



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam (atas), manakala gambar atas kiri, Ceramah Maulidur Rasul bertajuk 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Adalah Teladan Keluarga Sakinah, Mawaddah, Warahmah' disampaikan oleh Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Uagama, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Haji Metassim.

Majlis diteruskan dengan Ceramah Maulidur Rasul bertajuk 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Adalah Teladan Keluarga Sakinah, Mawaddah, Warahmah' yang disampaikan oleh Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Uagama, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Majlis diserikan lagi dengan Dikir Maulud sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan yang juga dibacakan oleh Awang Ahmad Syuja'iee.

Turut hadir pada majlis tersebut

SEBAHAGIAN pegawai dan kakitangan yang hadir pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

Selain itu, majlis berkenaan juga menjadi wadah untuk memperkuatkan kecintaan

terhadap Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta menanamkan nilai-nilai murni yang diajarkan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam kehidupan seharian.

Aktiviti seperti ceramah agama dan zikir selawat, akan turut menyemarakkan semangat perpaduan dan keimanan dalam kalangan warga Kementerian Kesihatan.



Badudun Bersama Biskita mempromosi program, produk, perkhidmatan RTB



■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Radio Televisyen Brunei

BELAIT, Sabtu, 20 September. - Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) hari ini mengadakan Jerayawara Badudun Bersama Biskita di Dewan Persidangan Kuala Belait, Daerah Belait bagi memberi kefahaman dan mempromosi program-program, produk dan perkhidmatan RTB kepada orang ramai.

Pada jerayawara berkenaan, program dimulakan dengan sesi taklimat dan soal jawab bagi memberi peluang kepada para hadirin untuk mengongsikan pandangan serta mendapatkan penjelasan lanjut khususnya mengenai siaran dan rancangan-rancangan RTB yang akan diadakan pada tahun ini.

Hadir pada sesi berkenaan, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara,

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat; dan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat.

Turut hadir, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Muhammad; Pemangku Pengarah RTB, Awang Cheong Chee Keong; pegawai-pegawai kanan kerajaan, ketua-ketua cawangan jabatan kerajaan, ketua-ketua kampung dan orang ramai.

Mewakili RTB semasa sesi soal jawab berkenaan ialah Pemangku Ketua Rancangan TV, Dayang Hajah Serimah binti Haji Muhamad; Pemangku Ketua Rancangan Radio,

YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Pemangku Pegawai Daerah Belait semasa hadir pada Jerayawara Badudun Bersama Biskita di Dewan Persidangan Kuala Belait, Daerah Belait.

Dayang Nur Afidah binti Haji Abd. Malik; dan Pemangku Jurutera Pengawas, Awang Amir Akram bin Haji Awang Besar.

Beberapa aktiviti sampingan juga diadakan sepanjang jerayawara seperti pencarian bakat (*talent scouting*), Kahoot, permainan interaktif, cabutan bertuah, penjualan *merchandise* RTB, pameran Majlis Perundingan Kampung (MPK), *car boot sale* dan kajian maklum balas.

Selain itu, galeri pameran turut diadakan dari Bahagian Pentadbiran, Bahagian Rancangan TV, Bahagian Rancangan Radio, Bahagian Kejuruteraan, Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan dan Bahagian Pemasaran dan Promosi dan RTBGO.

Di samping itu, aktiviti pentas seperti persembahan budaya Cina dari Sekolah Menengah Chung Hua, Kuala Belait; persembahan MPK dan tayangan duduk Santai turut diadakan.

Jerayawara Badudun Bersama Biskita di Daerah Belait berkenaan disokong oleh Intracorp Sdn. Bhd., Cuckoo International (B) Sdn. Bhd. dan RYS Entertainment.

Terus menyediakan pelbagai program bagi meningkatkan kesedaran mengenai Demensia

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

>> Muka 3

Dengan menyedari bahawa kita tidak bersendirian dalam menghadapi cabaran tersebut tambah Yang Berhormat, kita dapat memperkukuh sokongan antara satu sama lain dengan empati dan bersedia untuk berkongsi perjalanan hidup.

Setiap kita kata Yang Berhormat, berpeluang untuk memberikan sumbangan sama ada melalui usaha sukarelawan, menyebarkan kesedaran atau mengamalkan nilai kebaikan dalam kehidupan seharian.

Dengan berganding bahu jelas Yang Berhormat, kita dapat mempertingkatkan sokongan yang lebih bermaruah dan penuh kasih sayang terhadap mereka yang terkesan oleh Demensia.

"Bertanggungjawab bersama. Demensia merupakan tanggungjawab bersama semua pihak dan bukan sekadar isu yang melibatkan sistem kesihatan semata-mata. Doktor dan jururawat memainkan peranan penting namun masyarakat secara keseluruhan juga mempunyai sumbangan yang besar termasuk jiran tetangga, penduduk kampung, ketua kampung atau penghulu, guru, majikan, rakan sekerja serta sahabat handai.

"Bersama-sama kita boleh mewujudkan masyarakat yang mesra Demensia, sebuah persekitaran yang mana jiran prihatin terhadap keperluan penjaga pesakit Demensia, peka mengenai pasti serta membantu individu yang mungkin mengalami kesukaran.

"Institusi seperti masjid, dewan kemasyarakatan atau tempat kerja juga boleh berperanan untuk menjadi lebih mesra Demensia sekali gus mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih inklusif," kata Yang Berhormat.

Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Persatuan Demensia Brunei serta sektor swasta terang Yang Berhormat lagi, akan terus menyediakan pelbagai program pengurangan risiko dan meningkatkan kesedaran mengenai Demensia.


Usaha berterusan berkenaan kata Yang Berhormat, diharap dapat mengubah persepsi masyarakat mengenai Demensia.

"Janganlah kita biarkan Demensia menjadi punca ketakutan atau rasa malu. Sebaliknya, marilah kita menggantikan ketakutan dengan kefahaman, mengubah diam dengan perbualan terbuka, dan menangkis kesunyian dengan sokongan masyarakat.

"Bersama kita dapat memastikan setiap individu yang menghidap Demensia, termasuk penjaga mereka, sentiasa dihargai, dihormati dan tidak pernah ditinggalkan.

"Marilah kita berganding bahu untuk menewaskan stigma yang menyelubungi Demensia. #TanyaMengenaiDemensia dan #TanyaMengenaiAlzheimers," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.

MEMPERKUKUH KERJASAMA INDUSTRI BAHARU, MEMPROMOSIKAN PERTUMBUHAN MAMPAN



DELEGASI Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Brunei.

Kemajuan di Pelabuhan Muara serta pautan penghantaran langsung ke Pelabuhan Beibu Gulf telah mengukuhkan lagi ketersambungan perdagangan antara kedua-dua pihak.

NBD turut menghargai sokongan Guangxi dalam mengekalkan laluan Brunei-Nanning yang dikendalikan oleh Royal Brunei Airlines, dan berharap sokongan ini akan berterusan demi memastikan kesinambungan jangka panjang dalam bidang perdagangan, pelancongan dan pertukaran rakyat.

Melihat ke hadapan, NBD mengalu-alukan lebih banyak pelaburan dari China dalam bidang Sekuriti Makanan, Hiliran Minyak dan Gas, Perkhidmatan Logistik, ICT dan Pelancongan.

Sebagai sebahagian daripada atur cara lawatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew dan Tuan Yang Terutama Wei Tao juga menyaksikan majlis menandatangani beberapa Memorandum Persefahaman (MoU).

Perjanjian-perjanjian tersebut merangkumi bidang-bidang strategik seperti Pengeluaran aluminium elektrolitik; Pembangunan bersama Taman Perindustrian Terunjing, Brunei, dan inisiatif untuk memperkukuh ekosistem syarikat pemula (*startup*) dan inovasi Brunei melalui teknologi-teknologi canggih seperti Kecerdasan Buatan (AI), Internet of Things (IoT), dan pengkomputeran awan (*cloud computing*).

Majlis Penandatanganan MoU ini turut disaksikan oleh Naib Pengerusi Konferensi Perundingan Politik Rakyat China (CPPCC) bagi Wilayah Guangxi, Tuan Yang Terutama Wang Naixue, dan Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Hajah May Fa'ezah binti Ahmad Ariffin.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

>> Muka 1

Turut hadir ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Sebanyak 13 syarikat, termasuk Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), badan berkanun, dan syarikat pemula ('startup') dari NBD telah menyertai CAEXPO tahun ini.

Penyertaan mereka melibatkan kehadiran di Pavilion Cities of Charm, Commodity Pavilion dan Galeri Teknologi Tinggi ASEAN. Tahun ini juga menandakan kali pertama NBD menyertai Galeri Teknologi Tinggi ASEAN.

Pada 17 September 2025, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew turut menghadiri Mesyuarat Meja Bulat Menteri-menteri Industri

China-ASEAN, yang dianjurkan oleh Kementerian Industri dan Teknologi Maklumat China (MIIT).

Mesyuarat Meja Bulat ini menyediakan platform bagi para Menteri ASEAN dan pegawai kanan untuk bertukar pandangan mengenai dasar industri dan amalan terbaik, serta membina kesinambungan daripada Forum Industri Baharu China-ASEAN yang diadakan di Shenzhen pada Julai 2023.

Perbincangan dalam mesyuarat tersebut menekankan komitmen bersama untuk memperkukuh kerjasama dalam industri baharu yang sedang berkembang serta mempromosikan pertumbuhan yang mampan dan dipacu inovasi di rantau ini.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew juga mengadakan mesyuarat

peringkat tinggi bersama para pemimpin kanan Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang, termasuk Gabenor Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang, Tuan Yang Terutama Wei Tao; Setiausaha Jawatankuasa Parti Komunis China (CPC) Guangxi, Tuan Yang Terutama Chen Gang; Timbalan Setiausaha Jawatankuasa CPC Guangxi, Tuan Yang Terutama Wang Weiping.

Pertemuan ini mengesahkan semula hubungan erat antara Brunei dan Guangxi, serta membincangkan peluang-peluang kerjasama yang lebih mendalam yang boleh memberi manfaat bersama.

Manakala pada 18 September 2025, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew menghadiri Mesyuarat Kelima Jawatankuasa Kerjasama Bersama Koridor Ekonomi Brunei-Guangxi (BGEC-JCC5).

Koridor Ekonomi BGEC terus memainkan peranan penting dalam memperkukuh kerjasama dalam sektor-sektor utama seperti Akuakultur; Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT); Logistik; Pemprosesan Makanan dan Pelancongan yang merupakan bidang-bidang utama yang menyokong agenda pendiversifikasian ekonomi

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan semasa sesi bergambar ramai.



HALUAN

>> Muka 2

Dalam perkembangan ini, Jawatankuasa Kebangsaan mengenai Keselamatan Siber, dan ahli-ahli, termasuk CSB sebagai Agensi Keselamatan Siber Negara Brunei Darussalam, tetap berpegang teguh dalam memastikan Prasarana Maklumat Penting kita dilindungi secukupnya dan kekal selamat.

CSB memainkan peranan yang pelbagai dan penting dalam keselamatan siber, termasuk perlindungan, peraturan, kerjasama dan hubungan antarabangsa. Untuk tujuan ini, CSB terus meningkatkan dan mengukuhkan keupayaan mereka, seperti berusaha untuk memperkenalkan platform NexGen Security Intel (NSI) kepada senjata mereka. Sistem generasi seterusnya ini akan meningkatkan pelaporan, pemantauan dan pengawasan.

CSB juga sedang menyediakan garis panduan tambahan baharu bagi pemilik-pemilik Prasarana Maklumat Penting. Ini termasuk Garis Panduan Keselamatan Teknologi Operasi, Garis Panduan Dasar Keselamatan Awan bagi CIL, dan Kod-Kod Amalan yang dikemas kini.

CSB juga telah bekerjasama rapat dengan pelbagai pihak dalam usaha membanteras penipuan dalam talian dan penipuan digital. Antaranya ialah Operasi Pusat Anti-Penipuan yang diketuai Pasukan Polis Diraja Brunei dengan CSB, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Brunei Darussalam (AITI) dan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) sebagai pemain utama.

Dikaitkan dengan ini, Pasukan Polis Diraja Brunei juga telah melancarkan talian bantuan Anti-Penipuan 16993, akhir bulan lalu (30 Ogos 2025). Talian bantuan berfungsi sebagai pusat panggilan

pertolongan cemas untuk mangsa atau sesiapa yang mengesyaki mereka telah ditipu.

Ini, serta pengenalan Waspada.BN awal tahun ini, platform semakan fakta berasaskan Instagram semasa, pelbagai agensi yang diuruskan oleh AITI berkaitan penipuan dan maklumat salah, adalah contoh organisasi yang diberi kuasa untuk melakukan sesuatu. Tindakan adalah penting, walaupun perkara yang sedikit membuat perbezaan untuk membantu orang ramai untuk melindungi diri mereka sendiri.

Dengan semua pihak berganding bahu dengan memperkasa diri kita dan sesama sendiri, mereka boleh mewujudkan dunia digital yang bukan sahaja selamat tetapi juga inklusif, inovatif dan makmur untuk semua. Penduduk yang bijak siber mungkin kurang menjadi mangsa kepada serangan siber, mengurangkan risiko keseluruhan. Persekitaran digital yang selamat memupuk

inovasi, pelaburan dan pertumbuhan ekonomi, di mana perniagaan lebih yakin untuk beroperasi dalam talian, dan pengguna lebih bersedia untuk melibatkan diri dalam e-Dagang.

Kepercayaan dalam dunia digital juga akan menjadikan orang ramai mengakses perkhidmatan penting dalam talian kerana mereka berasa selamat dan juga boleh memupuk perpaduan sosial. Pendek kata, masyarakat yang bijak siber adalah masyarakat yang bertanggungjawab, bijak dan selamat dalam talian.

Membina masyarakat yang bijak siber adalah satu perjalanan, bukan satu destinasi. Ia memerlukan usaha, pelaburan dan komitmen berterusan daripada kita semua.

Inisiatif, seperti persidangan ini memainkan peranan penting dalam memahami dengan lebih baik cabaran yang semakin meningkat dalam melindungi aset digital dan maklumat sensitif. Acara-acara ini

mengumpulkan pakar-pakar untuk berkongsi pengetahuan, meneroka teknologi baharu dan bekerjasama dalam strategi pertahanan yang berkesan untuk menangani ancaman siber yang berkembang. Mereka ini adalah penting untuk memastikan organisasi kekal selamat dan berdaya tahan.

Oleh itu, saya ingin melihat semua peserta untuk berkongsi pandangan, menjalin hubungan, mengambil pengetahuan yang awda peroleih dan menterjemahkan kepada tindakan sebaik sahaja awda pergi.

Di sini, kita bukan sekadar meninggalkan pengetahuan, tetapi untuk meraih inspirasi, untuk membina masa depan di mana keselamatan siber memberi kuasa untuk maju bagi semua. Sempadan digital memerlukan kewaspadaan, inovasi dan tindakan kolektif kita.

Terima kasih.
Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum
Warrahmatullahi Wabarakatuh.

ILMU AGAMA, TERAS PEMBANGUNAN BANGSA, NEGARA

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal
Ehwal Ugama

>> Muka 1

Perkara tersebut antara yang ditekankan dalam tazkirah bertajuk 'Ilmu dan Amal sebagai Cahaya Kehidupan' disampaikan oleh Ketua Bahagian Pendidikan Khas Ugama, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Muhammad Hady bin Bukhari dari Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Mulaut bagi menyerikan Munajat Khas anjuran KHEU Kali Ke-199 bersempena Pendidikan Ugama Formal 16 September 1956 (69 Tahun).

Juga hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi Munajat Khas ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut serta pada program tersebut ialah tenaga akademik dan guru-guru di bawah JPI,

jemaah dari beberapa buah masjid seluruh negara, warga kerja KHEU dan juga individu yang hadir secara dalam talian dari kediaman masing-masing.

Acara Munajat Khas dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pemangku Penolong Pengarah (Institusi Pengajian), JPI, KHEU, Awang Haji Mohammad Ahsanul Azmi bin Haji Sarbini dari Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Mulaut.

Ini diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Pemangku Pegawai Pengajian Islam Daerah Belait, JPI, Pengiran Adiyura bin Pengiran Haji Mohammed dari Dewan Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Kuala Belait.

Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Pemangku Penolong Pengarah (Profesional), JPI, Pengiran Mohamad Aminuddin bin Pengiran Haji Hussin dari Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Mulaut.

Selepas tazkirah, Munajat Khas diteruskan dengan Selawat Nur beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Pengajian Islam Daerah Temburong, JPI, Awang Rozimin bin Haji Abd. Rahim dari Dewan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Temburong.

Kemudian, Doa Peliharakan Sultan dan NBD dibacakan oleh Pegawai Pelajaran, Pejabat Pengajian Islam Daerah Tutong, JPI, Pengiran Haji Asri Sukaimi bin Pengiran Haji Piut dari Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, Tutong.

Malam Munajat anjuran KHEU bertujuan mengajak orang ramai untuk bersama-sama mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan melalui istighfar, membaca serta menghayati ayat-ayat suci Al-Quran dan merafakkan serta mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar NBD berserta seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari sebarang bala bencana dan penyakit merbahaya.



JUGA hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi Munajat Khas ialah Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Orang ramai dialu-alukan untuk menyertai acara Malam Munajat talian Ahad secara dalam yang diadakan pada setiap Sabtu melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu>.

Kenal pasti cabaran ditimbulkan era AI



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali semasa menghadiri **The International Conference on Islamic Moderate Thought and Its Challenges in the Era of Artificial Intelligence (ICONWAT-AI 2025)** dan seterusnya menyertai sesi penandatanganan Memorandum Persefahaman (atas dan atas kanan).

ISTANBUL, REPUBLIK TURKIYE, Ahad, 21 September. - Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dato Seri Setia

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, baru-baru ini telah menghadiri **The International Conference on Islamic Moderate Thought and Its Challenges in the Era of Artificial Intelligence (ICONWAT-AI 2025)** dan seterusnya membentang kertas utama yang bertajuk 'Application AI in Islamic Studies in Brunei Darussalam'.

ICONWAT-AI 2025 telah berlangsung di **Fatih Sultan Mehmet Vakf Üniversitesi (Haliç Campus)**, Istanbul, Republik Türkiye dan telah dirasmikan oleh Timbalan

Rektor, **Fatih Sultan Mehmet Vakf Üniversitesi (FSMVU)**, Profesor Dr. Turan Gokce, selaku wakil Rektor FSMVU.

Persidangan berkenaan dianjurkan oleh Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya dengan kerjasama FSMVU, UNISSA, Rabithah Antarabangsa Alumni al-Azhar (Malaysia) dan Rabithah Antarabangsa Alumni Al-Azhar (Negara Brunei Darussalam).

Pada tahun ini, tema persidangan ialah 'Towards Realizing the Best Nation and Promoting Global Peace'.

Antara objektif utama **ICONWAT-AI 2025** adalah untuk mengenal pasti cabaran yang ditimbulkan oleh era AI kepada pemikiran Wasatiyyah dan kesan transformasi AI tentang nilai Wasatiyyah dalam mempengaruhi gaya hidup, budaya dan corak pemikiran masyarakat Islam.

Persidangan berkenaan turut menampilkan beberapa sesi perbincangan selari, termasuk sesi meja bulat antara UNISSA, NBD; Universiti Malaya, Malaysia; dan FSMVU (Haliç Campus), Istanbul, Republik Türkiye, yang memberi ruang kepada pertukaran pandangan rentas institusi dan negara.

Delegasi UNISSA juga telah mengadakan pertemuan dan perbincangan dua hala bersama Universiti Istanbul Sabahattin Zaim, Universiti Ibn Haldun termasuk Islamic Research Centre and Islamic Art, History and Culture (IRCICA) di Istanbul, Republik Türkiye.

Sesi penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) juga telah berlangsung di antara Rektor UNISSA dan Rektor Ibn Haldun Üniversitesi, Istanbul, Republik Türkiye, Profesor Dr. Atilla Arkan.

Dengan persidangan dan perbincangan dua hala berkenaan diharap dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan serta memberikan impak positif dan signifikan terhadap kecemerlangan akademik dan penyelidikan serta menjadi pemangkin kepada perkembangan pendidikan Islam yang lebih dinamik dan berdaya saing di peringkat global.

سورھنجاي ڦر خدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1

2

3

MEWUJUDKAN KEHIDUPAN KAMPUS LEBIH SEIMBANG, PRODUKTIF, BERMAKNA

Berita dan Foto :
Nurdiyanah Rajami



TUNGKU LINK, Ahad, 21 September. – Sebagai salah satu usaha dan komitmen dalam memupuk gaya hidup sihat, aktif dan seimbang dalam kalangan komuniti kampus dan masyarakat amnya, Universiti Brunei Darussalam (UBD) hari ini telah membuka tirai Minggu Kesihatan UBD 2025 (UBD Healthy Week 2025) sehingga 25 September ini bertempat di Central Lecture Theatre (CLT) Foyer dan Library Learning Commons, Perpustakaan UBD.

Inisiatif program selama lima hari berkenaan dianjurkan bersama oleh Centre for University Life and Wellness (UniHEALTH) dan Campus Asset Management and Planning for University Life (CAMPUS) dengan membawa tema 'Kesedaran Kesihatan Untuk Kehidupan Universiti : Ambil Tanggungjawab, Hidup Sihat' (Health Awareness for University Life: Take Charge, Live Healthy).

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Minggu Kesihatan UBD 2025 berkenaan, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif dan Naib Canselor, UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai utama UBD termasuklah para pensyarah, kakitangan - kakitangan dan mahasiswa dan mahasiswi serta jemputan khas.

Sejurus sempurnanya sesi perasmian, Dr. Hajah Rafidah diiringi dengan Naib Canselor UBD serta pegawai-pegawai utama UBD menyaksikan sesi demonstrasi Pengalaman Sukan Realiti Maya (Virtual Reality Sport Experience) dan Robot Pemotong Rumput (AI Robot Grass Cutting).

Turut dikunjungi oleh tetamu kehormat majlis bersama warga

PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Minggu Kesihatan UBD 2025 berkenaan.

UBD serta para pengunjung ialah pameran serta reruai maklumat kesihatan tentang gaya hidup termasuklah pemakanan dan kesejahteraan, sesi kecergasan berkumpul dan persembahan kebudayaan yang diketengahkan oleh para mahasiswa dan mahasiswi UBD di CLT Foyer dan ruang Library Learning Commons, Perpustakaan UBD.

Ketua Estet, Pejabat CAMPUS, Awang Aminor Syaidini bin Haji Abdullah dalam ucapan alu-aluannya antara lain mengongsikan tema program berkenaan menekankan kepentingan kepada semua khususnya warga kampus untuk mengambil tanggungjawab atau berperanan penting terhadap kesihatan mereka, demi mewujudkan kehidupan kampus yang lebih seimbang, produktif dan bermakna.

Beliau juga menekankan kepentingan kesihatan dalam kehidupan akademik dan profesional, di mana kehidupan universiti penuh dengan peluang tetapi juga cabaran yang mungkin menjejaskan kesihatan daripada tekanan dan kurang tidur kepada tabiat pemakanan yang buruk dan aktiviti fizikal yang terhad. Minggu Kesihatan UBD direka untuk

MINGGU Kesihatan UBD 2025 sebagai platform untuk kesedaran dan tindakan dengan menampilkan pemeriksaan kesihatan percuma untuk pengesanan dan pencegahan awal.

meningkatkan kesedaran dan menggalakkan langkah proaktif ke arah mengekalkan kesejahteraan fizikal, mental dan emosi.

Dalam pada itu, Awang Aminor Syaidini turut berkata Minggu Kesihatan UBD diperkenalkan sebagai aktiviti tahunan universiti untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan langkah praktikal dalam menjaga kesejahteraan fizikal dan mental, di sepanjang kehidupan di universiti.

Tambahnya, ia selaras dengan inisiatif dan komitmen UBD dalam menjadikan UBD sebagai sebuah universiti yang sihat. Dengan adanya mahasiswa dan mahasiswi yang sihat kita juga dapat menyumbang ke arah pencapaian aspirasi negara, iaitu Wawasan Brunei 2035.

Menerusi program ini, ia juga bertindak sebagai platform untuk kesedaran dan tindakan dengan menampilkan pemeriksaan kesihatan percuma untuk pengesanan dan pencegahan awal; dan juga pameran dan reruai

maklumat kesihatan tentang gaya hidup termasuklah pemakanan dan kesejahteraan, sesi kecergasan berkumpul dan persembahan kebudayaan.

Begitu juga pertandingan untuk menggalakkan penglibatan pengunjung program dan bengkel kesihatan mental bagi menangani pengurusan tekanan dan daya tahan emosi turut menjadi antara tarikan sepanjang berlangsung Minggu Kesihatan UBD 2025.

Di samping itu, program turut diserikan dengan Persembahan Gulintangan dan nyanyian oleh mahasiswa dan mahasiswi serta jualan makanan dan minuman daripada golongan pengusaha tempatan. Ini sekali gus mewujudkan suasana kampus yang meriah dan holistik.

Minggu Kesihatan UBD 2025 terbuka kepada kunjungan orang ramai dan dialu-alukan untuk mengambil bahagian. Untuk maklumat terkini dan lebih lanjut, sila ikuti **UBDBUZZ** dan **UniHealth.ubd** di Instagram.



Pertubuhan WARGAMAS adakan Majlis Khatam Al-Quran

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



PANCHOR MENGKUBAU, Ahad, 21 September. - Pertubuhan WARGAMAS pagi tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertempat di Masjid An-Na'im Kampung Panchor Mengkubau, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ketua Pegawai Eksekutif Bank Usahawan, Dato Seri Paduka

Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud dan isteri, Datin Dr. Hajah Asmah binti Haji Murni.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istigfar dan Selawat Tafriyyah yang dipimpin oleh Awang Haji Alihassan bin Haji Ahmad disusuli dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don.

Awang Haji Abu Bakar dalam ucapannya menjelaskan bahawa Pertubuhan WARGAMAS adalah sebuah badan NGO aktif dan berwibawa yang telah diluluskan oleh pihak Pendaftar Pertubuhan (ROS) pada 10 Ogos 2019 dengan keahlian Pertubuhan WARGAMAS pada ketika ini adalah seramai 1,170 orang.

"Alhamdulillah, sejak tahun 2019, Pertubuhan WARGAMAS telah dapat menyatupadukan dan merapatkan ukhuwah silaturahmi Ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS dengan warga emas seluruh negara," ujarnya.

Menurutnya, penyertaan untuk menyertai Rancangan Khatam Al-Quran (RKAQ) dan Majlis Khatam Al-Quran (MKAQ) pada tahun 2025 ini adalah seramai 1,007 orang, kaedah pelaksanaan RKAQ dan MKAQ adalah setiap peserta di kehendaki membaca Al-Quran 30 juzuk secara individu



KETUA Pegawai Eksekutif Bank Usahawan, Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud dan isteri, Datin Dr. Hajah Asmah binti Haji Murni hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar kiri, ucapan alu-aluan oleh Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don.

dan ada juga yang membaca secara berkumpul mengikut halaqah yang ditetapkan iaitu sebanyak 61 halaqah semuanya dan setiap halaqah mempunyai keramaian 15 ke 25 orang peserta.

Beliau turut menjelaskan, bacaan Al-Quran tersebut dihidiahkan sebagai pesambah istimewa Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-79, Tahun 2025.

Tambahnya lagi, adalah tidak diragukan lagi membaca Al-Quran memiliki keutamaan besar dan pahalanya banyak serta membaca Al-Quran menjadikan hati selalu tenang dan hidup tenteram di samping dengan rajin membaca Al-Quran akan mendatangkan keberkahan hidup di dunia dan ia akan menjadi syafaat di akhirat.

Majlis Khatam Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh tetamu kehormat diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada peserta khatam bermula dari Surah Ad-Duha hingga Surah An-Nas yang dipimpin oleh Awang Haji Mohd. Hussin bin Haji Mohd.

Salleh.

Ia kemudian disusuli dengan bacaan Takhtim dan Doa Khatam dan diserikan lagi dengan Dikir Marhaban.

Dengan adanya majlis tersebut, ia merupakan keikhlasan dan ketulusan warga emas di negara ini membaca dan mengagungkan Al-Quran Al-Karim dan kemesraan hubungan di antara raja dan rakyatnya di samping perkumpulan mulia yang dibuat oleh warga emas dan pesambah istimewa yang diungkayahkan tersebut merupakan sebagai satu manifestasi ketaatan dan kesetiaan rakyat kepada raja, agama dan negara.

PAMERAN SENI UCIRAN CALAK 2 KETENGGAHKAN 111 HASIL KARYA



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) merasmikan Pameran Seni Uciran Calak 2.

■ Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 September. - Pameran Seni Uciran Calak 2 kembali lagi tahun ini, sekali gus menghimpunkan komuniti seni Brunei yang penuh warna-warni dengan tema 'Ekspresi Budaya Kitani'.

Pameran seni yang dianjurkan oleh Creative Space Brunei (CSBN) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) serta Jabatan Muzium-Muzium berlangsung di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja bermula 20 September hingga 30 September 2025.

Sehubungan itu, majlis perasmian bagi menandakan pembukaan pameran seni berkenaan telah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Pada tahun ini, pameran mengetengahkan seramai 63 orang artis tempatan, termasuk lapar artis asal daripada pameran Uciran Calak yang pertama di

Brunei. Penyertaan yang kukuh ini, ia menjadi salah satu perhimpunan artis terbesar dalam dunia seni tanah air sejak penganjuran Uciran Calak yang pertama.

Sebanyak 111 hasil karya seni dipamerkan pada Pameran Seni Uciran Calak 2 ini merangkumi pelbagai medium lukisan, arca, lukisan atas batu, karya di atas kain, dan banyak lagi yang mencerminkan kepelbagaian dan kekayaan ekspresi kreatif Brunei. Ia juga menggambarkan bagaimana para seniman kita menzahirkan kreativiti, identiti, serta kefahaman terhadap budaya bangsa dalam bentuk karya seni yang segar dan penuh makna. Adapun tujuan pameran ini diadakan adalah untuk meraikan serta menghargai bakat seni generasi muda, di samping mengiktiraf sumbangan perintis artis-artis Uciran Calak yang pertama, sekali gus memperlihatkan perkembangan industri kreatif di Negara Brunei Darussalam.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS semasa sesi bergambar ramai (atas), manakala gambar bawah, sebanyak 111 hasil karya seni dipamerkan pada Pameran Seni Uciran Calak 2.



41 belia tamat Program Literasi Penerangan

■ Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 September. - Program Literasi Penerangan Belia Daerah Belait yang diadakan selama dua hari menutup tirainya hari ini dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil yang diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan, di sini.

Seramai 41 peserta daripada belia Majlis Perundingan Kampung

(MPK), belia Majlis Perundingan Mukim (MPM) serta belia dari Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) telah menyertai program berkenaan.

Majlis Penyampaian Sijil disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah.

Terdahulu, atur cara program hari ini dimulakan dengan lawatan

MAJLIS Penyampaian Sijil disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah.

ke Pusat Da'wah Islamiah, dan para peserta berpeluang mendengar penerangan mengenai Islam dalam konteks Negara Brunei Darussalam yang berteraskan akidah Ahli Sunnah Waljamaah dari segi kepercayaan dan pengamalan.

Pada sebelah petang pula, para peserta mendengarkan taklimat mengenai 'Pentingnya Warisan Bagi Belia' yang disampaikan oleh Pusat Sejarah Brunei dan para peserta turut berpeluang mengunjungi Galeri Lentera Makmur di Jabatan Penerangan.

Di dalam galeri berkenaan, peserta didedahkan dengan pameran mengenai empat strategi utama Jabatan Penerangan, iaitu

PARA peserta turut berpeluang mengunjungi Galeri Lentera Makmur di Jabatan Penerangan.



'Raja Kita' yang menekankan peranan serta institusi raja; 'Strategi Bahan-bahan Terbitan' yang memfokuskan kepada penerbitan bahan-bahan komunikasi; 'Strategi Komunikasi Bersemuka' yang menjelaskan kaedah komunikasi secara langsung bersama orang ramai; serta 'Strategi Perhubungan Media dan Media Baharu' yang menampilkan penggunaan media tradisional dan media baharu dalam penyebaran maklumat.

Program Literasi Penerangan merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penerangan menggunakan pendekatan Whole of Nation dan Whole of Government yang antara lain dihasratkan untuk melahirkan para belia berwawasan, mempunyai jati diri yang kukuh serta memiliki nilai luhur cintakan agama, bangsa dan negara yang tinggi serta memupuk rasa tanggungjawab ke arah memastikan Wawasan Brunei 2035 tercapai dengan jayanya.



MAJLIS BERCORAK KEAGAMAAN SEMARAKKAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL



ANTARA yang hadir pada Majlis Penutup Ihya Maulidur Rasul yang disempenakan dengan Sambutan Maulidur Rasul 1447 Hijrah.

■ Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

JERUDONG, Ahad, 21 September. - Muslimah Az-Zahraa' Kampung Kiarong dan Kumpulan El-Jawaher pagi tadi telah mengadakan Majlis Penutup Ihya Maulidur Rasul yang disempenakan dengan Sambutan Maulidur Rasul 1447 Hijrah.

Majlis diadakan di Star Lodge Hotel, Jerudong.

Hadir, Ketua Kumpulan Muslimah Az-Zahraa' Kampung

Kiarong, Dayang Hajah Halimah binti Haji Mohd. Said.

Turut hadir, Pemimpin Majlis Dzikir El-Jawaher, Awang Mohd. Zaref Syafi'e bin Muhd. Amril.

Selain memperingati kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, majlis yang diadakan secara tahunan berkenaan bertujuan untuk mengeratkan silaturahmi antara ahli kumpulan Muslimah,

menghayati alunan dan makna dikir dan tausiyah yang disampaikan serta memberi peluang kepada para ahli Muslimah untuk mempelajari irama-irama Dikir Ad-Daiba'ie yang dipelajari.

Selain itu, acara berkenaan juga menandakan berakhirnya Majlis Dikir Maulud yang diadakan ke rumah-rumah yang bermula pada 28 Ogos lalu dan berakhir pada 21 September 2025.

Majlis dimulakan dengan alunan

Nurfatin Dania Syahirah terima Biasiswa Kejururawatan Gleneagles JPMC



MAJLIS Menandatangani Perjanjian Biasiswa bagi Nurfatin Dania Syahirah binti Siran itu disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Gleneagles JPMC, Dr. Peter Tay, selaku tetamu kehormat bersama Pegawai Kanan Gleneagles JPMC dan kolej berkenaan.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Gleneagles JPMC

JERUDONG, Sabtu, 20 September. - Gleneagles JPMC sekali lagi mengukuhkan komitmennya dalam membangunkan tenaga kerja kesihatan negara dengan mengemukakan Biasiswa Kejururawatan kepada seorang pelajar dari Kolej Sains Kesihatan JPMC (JPMC College of Health Sciences).

Majlis Menandatangani Perjanjian Biasiswa itu disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Gleneagles JPMC, Dr. Peter Tay, selaku tetamu kehormat bersama

Pegawai Kanan Gleneagles JPMC dan kolej berkenaan.

Program biasiswa tahunan ini mencerminkan dedikasi jangka panjang Gleneagles JPMC dalam melahirkan profesional kejururawatan tempatan. Seperti tahun-tahun sebelumnya, hospital ini telah menyediakan peluang kepada jururawat untuk mengikuti latihan dalam perkhidmatan, kursus kejururawatan lanjutan, serta program pengkhususan dalam bidang seperti penjagaan rapi dan intensif, sama ada di dalam atau di luar negara.

Penerima biasiswa tahun ini, Nurfatin Dania Syahirah binti Siran, akan mengikuti kursus selama tiga tahun yang membawa kepada Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kejururawatan di Kolej Sains Kesihatan JPMC.

Setelah menamatkan pengajiannya nanti, beliau akan memulakan kerjaya profesionalnya bersama hospital berkenaan.

Dr. Peter Tay berkata: "Lebih daripada 60 peratus daripada 240 kakitangan kami terdiri daripada jururawat dan profesional penjagaan kesihatan bersekutu, namun hanya 40 peratus daripada




PENYAKIT KARDIOVASKULAR

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:
penyakit kardiovaskular adalah penyebab kematian yang **ke-2** tertinggi

FAKTOR RISIKO

- Peningkatan umur
- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap penyakit kardiovaskular
- Tidak aktif secara fizikal
- Mengamalkan pemakanan yang tidak sihat
- Merokok
- Meminum alkohol yang berlebihan
- Obes
- Tekanan darah tinggi
- Mempunyai paras kolesterol yang tinggi dalam darah
- Diabetis (kencing manis)
- Stres

TANDA-TANDA PENYAKIT

- Sesak nafas
- Sakit dada yang menekan-nekan bermula di bahagian tengah atau kiri dada dan biasanya merebak ke lengan kiri dan leher
- Sakit mencengkam sehingga boleh menyebabkan pitam atau pengsan
- Berpeluh dingin
- Berasa sejuk walaupun suhu persekitaran panas
- Pening kepala dan berasa loya
- Kebas
- Kerap kencing malam
- Haus / dahaga
- Penglihatan kabur
- Jantung berdebar

Jika awda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

LANGKAH PENCEGAHAN

 Tidak merokok
  Ketahui tekanan darah awda
  Mengekalkan berat badan yang sihat
  Meningkatkan aktiviti fizikal

 Kawal paras kolesterol dan gula dalam darah awda
  Amalkan pemakanan sihat. Kurangkan makanan tinggi garam, lemak dan gula
  Tangani stres dengan bijak
  Elakkan meminum minuman keras

"Fahami risiko awda"

Sila imbas untuk mendaftar program pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular



Dikir Ad-Daiba'ie termasuk Fi Atharin Qalbi, Hasbi Rabbi Jalallah, Ya Rasulullah dan banyak lagi.

Majlis juga mendengarkan tazkirah mengenai perjalanan Nabi

Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ketika hayat Baginda dan ajaran-ajaran Islam yang Baginda sampaikan kepada umatnya.

Bersama membantu meningkatkan bekalan darah

■ Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 September. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan akan mengadakan Kempen Derma Darah pada Ahad, 21 September 2025 bermula jam 10.00 pagi hingga 1.00 petang, bertempat di Tingkat Bawah, Pusat Beli-Belah OneCity anjuran Yayasan Kanser Kanak-kanak (YASKA) Brunei.

Manakala pada Rabu, 24 September 2025 bermula jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang, bertempat di Aras Bawah, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei anjuran Jabatan Penerbangan Awam.

Sementara pada Sabtu, 27 September 2025 bermula jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang bertempat di Lexus Showroom, Gadong anjuran NBT Lexus Brunei.

Sehubungan itu, orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen berkenaan dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 4.00 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

jururawat kami adalah warga tempatan. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh keperluan kemahiran khusus dalam kejururawatan penjagaan jantung, yang masih terhad di Brunei. Oleh itu, inisiatif seperti biasiswa ini, dengan kerjasama Kolej Sains Kesihatan JPMC, amat penting bagi membina kumpulan bakat tempatan yang lebih kukuh".

Pengarah Kejururawatan di Gleneagles JPMC, Chandra, turut menzahirkan rasa bangga hospital berkenaan dalam menyambut generasi baharu jururawat. Katanya, program biasiswa ini mencerminkan komitmen hospital bukan sahaja dalam meningkatkan standard profesional, tetapi juga

dalam menyediakan peluang kerjaya yang bermakna kepada jururawat tempatan.

Sementara itu, Nurfatin Dania Syahirah menyatakan bahawa minatnya terhadap bidang kejururawatan telah dipupuk sejak kecil dan semakin mendalam melalui aktiviti kesukarelawanan serta penglibatannya dalam pasukan pertolongan cemas sekolah, di mana beliau memperoleh pengalaman langsung membantu orang lain.

Beliau turut meluahkan keterujaannya untuk meneruskan perjalanan bersama Gleneagles JPMC selepas tamat pengajian, sambil menyatakan bahawa beliau telah merasai suasana yang mesra di hospital tersebut.

سروكاري

كورو قمعكين فنديديقن ليستاري دان اينوواسي

جماعه يغ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دغن منيكنكن كلتمانن كقدن. سسغكوهن اورغ يغ فاليج مليا دسيسى الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت اياه اورغ يغ فاليج برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، براوله كجيان دان كسلامتن ددنيا دان جوك داخيرة.

فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دالم سورة العلق آية ۱-۵:

تفسيرن:

باجله (واهاي ني محمد) دغن (مپوت) نام توهنمو يغ منجيتكانن (سكالين مخلوق). دي تله منجيتكانن مانسي درفد سكومقل داره بكو. باجله، دان توهنمو مها فموره. يغ مغاجر (مانسي منوليس) دغن قلم (فينا). دي مغاجر مانسي اف يغ تيدق دكتهوين.

جماعه يغ درحمتي الله،

علمو اداله قليتا هيدوف يغ امت فنتيج دان ساعث بركونا دالم كهيدوفن كيت. اين كران علمو اكن دافت مبيتو كيت برجاي ددنيا دان جوك داخيرة.

اقيل كيت مفركانتن تنغ علمو دان فنديديقن، مك فارا كورو دان فارا فنديديقن اداله كولوغن يغ امت فنتيج دان برتغكوغجواب دالم ميمقيكن، مغاجر، مفركاي دان مفركاس فارا فلاجر سرتا مشاركت دغن ثلباكاي علمو ففتهوان دان جوك كماهين سهيك منجادي انسان يغ برعلمو، برجاي دان برأخلاق مليا.

مانكالا باكي سيف يغ برأوسها منجاري علمو ففتهوان فولا كنجرنن اداله بسر يات اكن دفرمودهكن اوليه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اوتنوق ماسوق كشرك. درفد أبو هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ دي بركات، رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تله برسبدا: وَقَدْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ.

مقصودن:

بارغسياف منمفوه جالن اوتنوق منجاري علمو، مك الله اكن مودهكن جالن كشرك باكين. {حديث رواية امام مسلم}

جماعه يغ درحمتي الله،

كورو اداله انسان يغ ميمقيكن علمو دان مبيتوق شخصية قريادي سساورغ. مريك بوكن سهاج مغاجر تنائي منديديقن سهيغك منجاديكن فلاجر ايت برعلمو، برأخلاق، دان برتغكوغجواب كقد اكام، بغسا دان نكارا.

كورو هندقله منجوتوهي صفة-صفة رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دالم منديديقن أومت بكيندا. بكيندا مغاجر أومتن دغن حكمه، كصرون دان رحمة.

بكيندا تيدق فرنه مرندهكن اورغ يغ جاهيل، تنائي منديديقن مريك دغن كاسيه سايج. بكيندا ميمقيكن علمو مغيكوت تاهف كفهمن دان كممفوان فارا صحابة. اينله قائده فنديديقن بركسن يغ فاتوت دتلاداني اوليه فارا كورو هاري اين.

دالم دنيا يغ فتوه جابرن اين، فنديديقن هندقله برصفة برداي تاهن. برداي تاهن برمقصود ممفو يغيكت سمولا ستله داوجي، تروس برديري والاوفون برهادفن دغن تكنن، سرتا ممفوياي سيستم نيلاي يغ كوكوه. مك يغ دمكين ايت منجاديكن قرانن كورو ستمكين بسر دان منجابر، بوكن سهاج ميمقيكن علمو اكاديميك، تنائي جوك مبيتوق جيو فلاجر يغ قوات، براييتكريتي، برسماغت واجا دان برأخلاق مليا. اوليه كران قرانن دان تغكوغجواب كورو ايت ساعث بسر، مك اسلام مغأغكت مرتبت كورو، سباكيما يغ تله دخبركن اوليه رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دالم سيواه حديث، درفد أبو أمامه الباهلي رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَأَهْلَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ خَفِيَ الثَّمَلَةُ فِي جُحْرِهَا وَخَفِيَ الْحُوتُ لِيَصْلُوهَ عَلَى مُعَلِّمِ النَّاسِ الْخَيْرِ.

مقصودن:

سسوغكوهن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، فارا ملائكة دان سموا فنلودوق دلاغيت دان دبويم، سهيغكانن سموت دسارغن دان ايكن (دلاوتن) فسني برصلوات (مندهاكن) كبايكن باكي اورغ يغ مغاجر كن كبايكن كقد مانسي. {حديث رواية امام ترمذي}

جماعه يغ درحمتي الله،

قد ستياف ۲۳ سيقتمير دنكارا بروني دارالسلام، مروفاكن تاريخ يغ جوكوف برمعنى باكي انسان يغ بركلر كورو، تاريخ ترسيوت دثليه اداله باكي مغأعزاف سومغن دان جاس كورو ترهادف اكام، بغسا دان نكارا. قد تاهون اين تيما هاري كورو اياه "كورو قمعكين فنديديقن ليستاري دان اينوواسي".

كورو اداله سباكاي توكوه اوتام يغ مندوروغ قرأوبهن قوسيتيف دالم سيستم فنديديقن كاره يغ ليه برداي تاهن، اينكلوسيف دان برترسكن نيلاي- نيلاي مورني. كورو جوك مكالقكن فميكنن كرياتياف دان اينوواتيف دالم كالغن فلاجر دغن مندوروغ مريك مپلسايكن مسفله سجارا كريتياس دان مفاصليكن بواه فيكينن بهارو دان برلغق تيغكي. كورو اداله فنديديقن جيو دان شخصية فلاجر يغ مغأوتامكن فمبتوقن أخلاق مليا، فمباغونن فوتينسي فلاجر يغ مرغكومي اسقيك جسماني، لموسي، روحاني دان اينتليكتوال.

كورو جوك برقرانن دالم ملاهركن جنراسي فلاجر يغ بوكن سهاج برعلمو تيغكي، ماله قريهاتين، براييتيكا دان برسديا مغهادي جابرن ماس دغن. مريك ميريكن فنديديقن بركواليي يغ برفنجنن دان ممفو منوهي كقرلوان ماس كيني تنقا مغايباكن جنراسي اكن داتغ. كورو هندقله بيحق مفاكبوغكن تيكنولوجي مودن دغن نيلاي-نيلاي مورني اسلام باكي ممستيكن فنديديقن ككل رلييون دغن زمان تنقا مغورينكن أخلاق دان قرادين اسلام.

سسوغكوهن كورو يغ ملقسانانن قرانن سباكاي قمعكين فنديديقن يغ بركواليي، كرياتياف دان اينوواتيف اكن برأوفايا ملاهركن فلاجر يغ بوكن سهاج برعلمو دان بركماهين تيغكي تنائي جوك برأخلاق مليا، براييتيكا دان ميمليكي كسدرن اوتنوق ميويمغ سجارا ممفن كقد اكام، بغسا دان نكارا. كورو برقرانن ميبنا كسدرن سيويك دان ممفوك سيكف قريهاتين ترهادف مشاركت سرتا عالم سكيتر، سحاجر دغن فريسييف مقاصد شريعة. كورو جوك منجادي ترس كقد قنجانين فلسفه فنديديقن نكارا سرتا فمبتوقن جنراسي يغ بركواليي، سليبغ دري سودوت دنياوي دان آخروي سرتا برسديا منراجوي ماس دغن جاتي ديري يغ كوكوه.

جماعه يغ درحمتي الله،

بوات انسان يغ بركلر كورو دان فنديديقن، سام-سامله كيت بردعاء كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اكر مريك سنتياس استقامه سرتا ديريكن كفواتن دان كصبرن دالم منديديقن دان ميمبيغ أنق وطن. سموك الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى مغورنياكن كنجانن فها يغ برفنجانن سرت رحمة كقد فارا كورو دان فنديديقن، آمين يا رَبِّ الْعَالَمِينَ.

تفسيرن:

واهاي اورغ-اورغ يغ برلمانن اقبيل دكاتكن كقد كامو: "لافتكله نمت دودوق دجليل-مجلس (اوتنوق اورغ لاي)،" مك لافتكله، نسجاي الله ممري كلاغن اوتنوق كامو. دان اقبيل دكاتكن: "برديله"، هندقله كامو برديري، نسجاي الله منيغكيكن اورغ-اورغ يغ برلمانن انتارا كامو دان اورغ-اورغ يغ ديري علمو ففتهوان اكام براف درجت. دان الله مها تليتي ترهادف اف يغ كامو كرجاكن. {سورة المجادلة آية: ۱۱}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا قَوْمَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّاسِينَ.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتِمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأُمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَاَلْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَاَخْفَاهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَاَلْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهٖ الْعُقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضٰى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kamil! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْاِسْتِعْفَارِ

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّيْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اَسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ، فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ ممباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
Tajuk Sebut Harga:

 RTB / K / 106 /
25 - 26

 The Supply, Delivery, Installation,
Configuration, Testing And
Commissioning Of Network
Infrastructure Upgrade At Level 3
Of Main Building,
RTB Broadcasting Complex
Sungai Akar

**Bayaran Yuran (Termasuk
E-Dokumen):**

BND5.00

(Tidak Dikembalikan)

Salinan Kertas (hardcopy):

BND5.00

(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Information Day:

17 September 2025

 (Hanya dibukakan kepada yang
telah membeli tawaran sahaja)

Tarikh Tutup:

Rabu,

1 Oktober 2025

Jam 2.00 Petang


PUSAT PEKERJAAN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
Bilangan Tawaran:

JPM / PPB / CIU / IT / 29

Tajuk Tawaran:

 The Supply and Renewal of Red
Hat Enterprise Linux
(RHEL) Subscription Licenses for
JobCentre Brunei (JCB)
System For
One (1) Year (2025-2026)"

Yuran Tawaran:

BND 5.00

 (Tidak dikembalikan dan dibayar
melalui BIBD Online)

Tarikh Buka Tawaran:

Isnin,

15 September 2025

Tarikh Tutup:

Rabu,

1 Oktober 2025

2:00 Petang


Tajuk Sebut Harga:

 RTB / K / 103 /
25 - 26

 Penggambaran dan Penyuntingan
Filler Keugamaan
Indahnya Zikir

**Bayaran Yuran (Termasuk
E-Dokumen):**

BND5.00

(Tidak Dikembalikan)

Salinan Kertas (hardcopy):

BND5.00

(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:

Rabu,

1 Oktober 2025

Jam 2.00 Petang


**JABATAN BANDARAN KUALA
BELAIT DAN SERIA**
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI
Bilangan Tawaran:

 BBS / TOC (R) / MSAU / KBS /
2025 - 2028

Keterangan Projek:

 Three (3) Years Term Contract
Maintenance And Servicing Air
Conditioning Units
For Municipal Buiding
Kuala Belait And Setia

 Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdafar

 Dengan Kementerian
Pembangunan
Negara Brunei Darussalam.

Kategori Kerja:

 Mekanikal (Kelas M01):
Sistem Hawa Dingin dan
Pengedaran Udara

Yuran Tawaran:

BND30.00

Tarikh Tutup:

Selasa,

7 Oktober 2025


Tajuk Sebut Harga:

 1. RTB / K / 88 / 25 - 26
Perolehan Rancangan Luar
Negeri

 Genre: Korean Drama Series
(Modern) - Family, Inspirational,
Suspense, Comedy

 2. RTB / K / 86 / 25 - 26
Perolehan Rancangan Luar
Negeri

 Genre: Malaysia Telemovie
(Timeless) - Family, Inspirational,
Religious

 3. RTB / K / 87 / 25 - 26
Perolehan Rancangan Luar
Negeri

 GENRE: Malay Blockbuster Movie
- Family, Inspirational, Comedy,
Action

 4. RTB / K / 89 / 25 - 26
Perolehan Rancangan Luar
Negeri

 GENRE: Magazines (Children) -
Informative: Technology / Human
Interest

 5. RTB / K / 90 / 25 - 26
Perolehan Rancangan Luar
Negeri

 GENRE: Magazines (Children) -
Informative : Education / Human
Interest

 6. RTB / K / 91 / 25 - 26
Perolehan Rancangan Luar
Negeri

 GENRE: Magazines (Children) -
Reality / Games : Cooking /
Baking / Food

**Bayaran Yuran (Termasuk
e-dokumen):**

BND5.00

(Tidak Dikembalikan)

Salinan Kertas (hardcopy):

BND5.00

(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:

Rabu,

1 Oktober 2025

Jam 2.00 Petang


**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN
MUARA**
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI
Bilangan Tawaran:

 JDBM / QSTOR / 010 / 2025
Membekalkan Perkakas
Kelengkapan Bagi Membina dan
Memperbaiki Sangkar Kegunaan
Jabatan Daerah Brunei dan Muara
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:

Selasa,

30 September 2025


KEMENTERIAN PERTAHANAN
Rujukan Tawaran:

 MINDEF / DFA / FY2025 / TU /
TA / 06

 Pembelian Alat Kelengkapan
Support Element Progress Bagi
Tentera Udara Diraja Brunei

Yuran Tawaran:

BND10.00

(Tidak Dikembalikan)

 Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
satu minggu sebelum
tarikh tutup tawaran, iaitu

Selasa,
30 September 2025.
Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,

7 Oktober 2025

2.00 Petang


JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI
Bilangan Sebut Harga:

 (105) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:

 Kerja-Kerja Penyelenggaraan
Kenderaan Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri Secara
Kontrak Selama Enam (6) Bulan.

Yuran:

Dikenakan Bayaran BND5.00

Tarikh Tutup:

 Khamis, 2 Oktober 2025
Jam 8.00 Pagi

Rujukan Tawaran:

 MINDEF / DFA / FY2025 / LB /
TA / 009

 Pembelian Drill Marching Shoes
And Derby Lace Up

Yuran Tawaran:

BND30.00

(Tidak Dikembalikan)

 Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
satu minggu sebelum
tarikh tutup tawaran, iaitu

Selasa,
14 Oktober 2025.
Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,

21 Oktober 2025

2.00 Petang


JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI
Tajuk Tawaran:

 CNS / ATM Network Upgrade
ATELS / 2025 / LTK-03

Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Tawaran:

 22 September 2025,
Isnin

Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:

 20 Oktober 2025,
Isnin

Tarikh Tutup Tawaran:

 21 Oktober 2025,
Selasa

Kepada:

 Pengerusi Lembaga Tawaran
Kecil
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam




**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Tawaran hendaklah dialamatkan kepada **Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil** dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, KSSUP, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam:-

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada Selasa, 21 Oktober 2025.

JPt / TAW / 03 / 2025-2026:
Membekalkan Baja NPK 15:15:15 Sebanyak 3,800 Beg (50kg / Beg) Bagi Bantuan Insentif Jabatan. (Yuran Tawaran: BND30.00 | Borang Tawaran BND15.00)

Website:
<http://www.agriculture.gov.bn>

Tawaran hendaklah dialamatkan kepada **Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil** dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, KSSUP, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam:-

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada Selasa, 21 Oktober 2025.

JPt / TAW / 20(A) / 2024-2025:
Membekal Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Bagi Kawasan Dan Bangunan Di Empangan Imang, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Daerah Brunei Muara Selama 24 Bulan. (Yuran Tawaran BND30.00 | Borang Tawaran BND15.00)

Website:
<http://www.agriculture.gov.bn>



**PERATURAN
PENGIKLANAN**
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Kelas:
III, IV atau V

Kategori:
KPB12

Tarikh Tutup Pada:
Selasa,
14 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

JASTRE / BL / T022 / 2025
Kerja-Kerja Penanaman Rumput Dan Pemeliharaan Di Bangunan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) (Bangunan Lama Bagi Ibu Pejabat Baharu Authoriti Monetari Brunei Darussalam).

No. Projek:
JASTRE / BL / T022 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Kelas:
III, IV atau V

Kategori:
S01

Tarikh Tutup Pada:
Selasa,
14 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

JASTRE / KB / T021 / 2025
Perkhidmatan Kutipan Dan Pembuangan Sisa Pepejal Daripada Pusat-Pusat Pengumpulan Sisa Pepejal Di Daerah Belait Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

No. Projek:
JASTRE / KB / T021 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND50.00
(Non Refundable)



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Kelas:
II, III atau IV

Kategori:
KPB12

Tarikh Akhir Mengambil:
Selasa, 30 September 2025

Tarikh Tutup:
Selasa, 7 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

JASTRE / BL / T019 / 2025
Kerja-Kerja Pemeliharaan Dan Penyelenggaraan Luaran Bagi Istana Darul Taqwa Dan Assiadah, Jerudong, Negara Brunei Darussalam Untuk Tempoh Dua (2) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / BL / T019 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND10.00 (Non Refundable)

JASTRE / BL / T020 / 2025
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Di Jalan Gadong (Stesen Jana Kuasa) Ke Penghujung Jambatan Gadong Dari Jambatan Jalan Jame' Asr Ke Pusing Keliling Jame' Asr Dan Berdekatan Kawasan Masjid Jame' Asr, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / BL / T020 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00 (Non Refundable)



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bil. Sebut Harga:
08 / KHEU / BTM / 2 / RFP / 2025

The Supply, Delivery, Installation, Setup, Configuration, Testing And Maintenance Of Switches For Multiple Locations, Ministry Of Religious Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
24 September 2025
Jam 2.00 Petang



**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bil. Tawaran:
06 / KHEU / BTM / 2 / RFP / 2025

Network Infrastructure Upgrade Project: The Supply, Delivery, Installation, Setup, Configuration, Testing And Maintenance For Sekolah Tinggi Arab Hassanah Bolkiah, Ministry Of Religious Affairs

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
21 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

DA / JKSH / 100 / 2025 / 2026 [HSE-SEPT-2025]

Kursus Occupational First Aiders Bagi Pegawai, Guru dan Kakitangan Kementerian Pendidikan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 4 Oktober 2025
(Jam 9.00 Pagi)





KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran:
KKBS / OBBD / F-003
(01-2025)

Tajuk Sebut Harga:
Re-Quotation Membekal
Peralatan Dan Perkakas
Kegiatan Darat, Air Dan Tali
Menali Di Outward Bound
Brunei Darussalam (OBBD)
Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
25 September 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
21 / SEPT / 2025 / KKBS / PJK /
16.91

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract Maintenance Of A
Period Of Twenty-Four (24) Months
For Air-Conditioning System At: -
1. Pusat Pembangunan Belia (PPB);
&
2. Outward Bound Brunei
Darussalam (OBBD) Office

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
25 September 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
14 / JULY / 2025 / KKBS / PJK /
16.43 (R)

Anti Termite Treatment For
Outward Bound Brunei
Darussalam (OBBD) Main Office,
Jalan Kebangsaan,
Brunei Darussalam
(Requotation)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
25 September 2025
Jam 2.00 Petang



**Pusat Pembangunan Belia
Kementerian Kebudayaan
Belia Dan Sukan
Negara Brunei Darussalam**

Kenyataan Tawaran

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**

07 / 2025 / KKBS / PPB /
07 (R)
Terms Contract
12 Months To Supply, Delivery
And Commissioning Of
Materials For Vehicle Body
Repair Course At Youth
Development Centre,
Ministry Of Culture,
Youth And Sports.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
25 September 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(67) JBS / ADM / QC / 2025
Supply, Delivery, Install,
Maintenance and Warranty for
Heavy duty Ice Maker Machine Sport
Medicine and Research Centre

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(68) JBS / ADM / QC / 2025
Proposal of New Reinforce Concrete
Flooring Slab (Renovation of
Fountain Pond into Stage) at
Pedestrian Mall, HBNSC

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Khamis,
25 September 2025



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**1. MOE / LTK / 56 / 2025 / 2026
(JPPE-SEPT-2025)**

5 Years Fully Comprehensive
Maintenance Term Contract For
'Sigma' Lifts Under Minstry Of
Education, Negara Brunei
Darussalam,

Kelas: Terbuka
(Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam)
Kategori: KPME02

**Bayaran Yuran /
Dokumen Tawaran:**
BND100.00
[Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
27 September 2025 (Sabtu)

Tarikh Tutup dan Waktu:
30 September 2025, Selasa
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

**2. MOE / LTK / 57 / 2025 / 2026
(JPPE-SEPT-2025)**
Renovation Works To Teachers'
Quarters Class F At Amo Primary
School (PWD 173A & 173B),
Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

Kelas: II / III
(Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam)
Kategori: B01, E01

**Bayaran Yuran/ Dokumen
Tawaran:**
BND10.00 [Bayaran Yuran /
Dokumen Tawaran
Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
27 September 2025



(Sabtu)

Tarikh Tutup dan Waktu:
30 September 2025 -
Selasa
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

**3. MOE / LTK / 58 / 2025 / 2026
(JPPE-SEPT-2025)**

External Repairworks To Flat
Class EF18, EF19, EF20, EF21,
EF22, EF25, EF26 & EF27 In
Beribi
Gadong Housing Under
Ministry Of Education,
Negara Brunei Darussalam.

Kelas : III / IV Sahaja
(Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam)
Kategori: B01, KPB02

**Bayaran Yuran /
Dokumen Tawaran:**
BND50.00
[Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
27 September 2025
(Sabtu)

Tarikh Tutup dan Waktu :
30 September 2025 -
Selasa
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

**1. DA / JKSH / 98 / 2025 / 2026
[BPPA-SEPT-2025]**

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin
Bagi :
Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin,
Sungai Besar, Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND156.00 Sebulan

**2. DA / JKSH / 99 / 2025 / 2026
[BPPA-SEPT-2025]**

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin
Bagi :
Sekolah Tinggi Perempuan Raja
Isteri, Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']

Harga Sewa Kantin:
BND975.00 Sebulan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
4 Oktober 2025
Jam 9.00 Pagi

JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

**Kenyataan Bagi Mendapatkan
Tawaran Sebut Harga**

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025-2026 / 62 /
BPPK / 16

Tajuk Sebut Harga:
Two (2) Years Term Contract
To Supply And Delivery
Lubricating Oil
For 2-Stroke Engine Oil (2T) For
Seksyen Keindahan Dan Kebersihan,
Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Khamis, 25 September 2025
Jam 2.00 Petang

**Keterangan Lanjut Boleh
Diperoleh Dari:**
Bahagian Pemuliharaan Dan
Kenderaan
Jabatan Bandaran Bandar
Seri Begawan, Di Tingkat 2,
Bangunan Pejabat Unit Khidmat
Bantu Dan Pemeliharaan,
Spg 594, Jalan Subok,
Bandar Seri Begawan.

JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Bilangan Kod Tawaran:
BFRD / LTK / 04 / 2025-2026

Tajuk Tawaran :
Supply, Delivery, Testing And
Commissioning Of Portable Pump
With Related Accessories Over A
Period Of 3 Years For The Fire
And Rescue Department

Bilangan Kod Tawaran:
BFRD / LTK / 05 / 2025-2026

Tajuk Tawaran :
Supply, Delivery, Testing And
Commissioning Of Self-Contained
Breathing Apparatus (SCBA) And
Compressed Air Cylinder Over A
Period Of 3 Years For The Fire
And Rescue Department

Tender Fee:
BND30.00
(Tiga Puluh Ringgit Sahaja)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
14 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



PELITA BRUNEI Hari Rabu 29 September, 1965

Muka 7

TA'ON MENYERANG BRUNEI - LANGKAH MELAWAN DI-KETATKAN

Langkah2 yang ketat dan sa-
chara besar2an bagi melawan
serangan penyakit yang merba-
haya Ta'on atau Cholera sedang
di-lancharkan oleh Kerajaan, su-
paya penyakit itu tidak berpe-
luang merebak ka-seluruh negeri
ini.

Penyakit itu telah menyerang
negeri ini sejak minggu yang lalu
dan sa-hingga hari ini tiga orang
dari penduduk2 di-Kampung
Ayer telah mati akibat serangan
penyakit tersebut.

Ketiga2 orang yang malang itu
tidak sempat di-beri rawatan
kerana pihak Jabatan Perubatan
Negara tidak di-beri tahu dan
mereka meninggal dalam rumah
mereka sendiri.

GERAKAN KILAT

Berikutan dengan serangan pe-
nyakit yang merbahaya itu, ge-

PENCHEGAH CHOLERA

Beberapa pasokan pegawai2
perubatan yang bertindak sa-
bagai pencheegah cholera sekarang
ini maseh menjalankan tugas
mereka di-kampung2 berdekatan
dan kawasan2 pendalaman da-
erah2 negeri ini dengan menggu-
nakan landrover, motor sangkut
dan helikopter.

Bagi mengasingkan orang2
yang di-shak dan di-sahkan sa-
bagai mengidap penyakit ta'on
itu, beberapa buah ward khas
telah di-sediakan di-rumah2 sakit
di-seluruh negeri ini.

Bagi menyenangkan tugas men-
chegah penyakit tersebut, Dr.
Franks menegaskan bahawa usaha
yang utama haruslah di-ambil
oleh seluruh ra'ayat negeri ini
dan mesti-lah memberikan kerja-
sama kepada Jabatan Perubatan

Negara.

"Apa yang harus kita buat,
kata Dr. Franks ia-lah dengan
tidak berlingah2 lagi menghantar
atau memberi tahu kepada Ja-
batan Perubatan atau kelinik2
yang berdekatan kalau sa-kira-
nya ada orang2 yang di-shaki
mengidap penyakit itu".

KESAN NYATA

Kesan yang nyata yang me-
nunjukkan orang yang mengidap
penyakit itu ia-lah "Muntah2
berak" yang tidak berhenti2 atau
kira2 dua tiga kali dalam sa-hari.

Kapada orang ramai, Dr.
Franks menasehatkan supaya me-
ngambil perhatian yang berat
dan kapada siapa yang belum
bersuntik mesti-lah mendapatkan
suntikan chemas di-kampung2
atau di-klinik2 dan rumah2
sakit.

MENJAUHKAN DIRI

"Orang ramai hendak-lah men-
jauhan diri dari memakan
barang2 makanan dan minuman
yang terdedah dan makanan
dan minuman hendak-lah di-
masak terlebih dahulu sa-belum
di-makan.

Kapada penduduk2 yang ting-
gal di-Kampung Ayer pula, Dr.
Franks menasehatkan mereka su-
paya melarang anak2 mereka dari
bermain2 di-ayer dan ibu2 di-
sekitar kampung tersebut jangan-
lah menchuchi kain baju dengan
menggunakan ayer dari sungai
di-bawah rumah.

Mereka telah di-nasehatkan
supaya jangan naik ka-darat ke-
chuali ada perkara yang musta-
hak, kerana takut penyakit akan
merebak.

Orang ramai juga di-nasehat-



Dr. P. I. Franks.

kan supaya jangan berkumpul
kerana penyakit itu ada-lah sa-
jenis penyakit yang mudah men-
jangkit dari sa-orang ka-saorang
yang lain.

TEMASHA2 DI-TUTOP

Semua penjual2 ayer manisan
dan buah2an yang telah di-kupas
atau di-belah telah di-tegah ber-
jaja, dan permainan2 pertun-
jokan2 dan temasha bagi me-
nyambut hari Keputeraan Duli
Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Maulana Al-Sultan bagi
Daerah Brunei telah di-batalkan
sejak beberapa hari yang lalu.

Pada hari Isnin yang lalu, 27
September, 1965 semua panggong
wayang gambar di-Bandar Brunei
telah di-perentahkan supaya di-
tutup sa-hingga satu tarikh yang
akan di-umumkan kemudian.

Kapada orang2 yang telah di-
suntik, mereka ada-lah di-
nasehatkan supaya membawa kad
suntikan yang telah di-berikan
kapada mereka kerana pihak
polis Brunei telah dan sedang
menjalankan pemereksaan.



Sa-orang kanak2 kelihatan sedang di-suntik.

rakan kilat telah di-ambil oleh
Jabatan Perubatan Negara de-
ngan mengarah pegawai2-nya
untuk melancharkan kimpin sa-
chara besar2an bagi melawan
serangan itu.

Pegawai2 itu telah merempoh
masuk ka-kampung2 baik yang
berdekatan dengan bandar mahu-
pun di-kawasan2 pendalaman
untuk memberi suntikan kapada
penduduk2 dari kanak2 yang ber-
umur 6 bulan hingga ka-orang2
dewasa dan tua.

Sa-hingga hari ini lebih sa-
tengah dari penduduk2 Negeri
Brunei yang berjumlah hampir2
100,000 orang telah di-beri sun-
tikan dan dari gerakan mengesan
pengidap penyakit itu sa-hingga
pukul 4-00 petang kelemarin sa-
ramai 95 orang telah di-masok-
kan ka-Rumah Sakit Besar di-
Bandar Brunei.

Pegawai Perubatan Negara, Dr.
P. I. Franks menyatakan bahawa
dari jumlah itu 43 orang telah di-
sahkan sa-bagai mengidap penya-
kit tersebut dan 52 lagi di-shaki.



Gambar di-atas menunjukkan orang ramai sedang menanti giliran untuk di-suntik.

IMBASAN MINGGUAN

SALAH seorang pelajar celik yang mengikuti Program Hayya Ilal 'Arabiyyah (Mari Berbahasa Arab) bertemakan 'Ke Arah Pelajar Celik Sirah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam' bertempat di Ma'had Islam Brunei. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.



SEBAHAGIAN pelajar dari Sekolah Al-Falaah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran digabungkan dengan Haul Allahyarham Ustaz Saiyed Ibrahim Aal-Taaher Al-Husainiy. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



GURU-guru dari Selangor, Malaysia semasa mengadakan lawatan ke Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Taman Asuhan Kanak-kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.

MURID-murid dari Taman Asuhan Kanak-kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah keluar berarak menghadiri Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang berlangsung dengan penuh keberkatan dan kemeriahan. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.



ANTARA peserta yang menyertai Pertandingan Peringkat Akhir Pidato Kebangsaan Brunei Darussalam sempena Sambutan Bulan Bahasa 2025 yang diadakan di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.



BATIK Borneo merupakan antara jualan yang menarik perhatian ramai dijual oleh Dayang Anne. - Foto : Siti Rokiah Abdullah.

MENGGALAKKAN KOPERASI MENEROKA BIDANG PERNIAGAAN BAHARU

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



SERAMAI 70 peserta menghadiri Sesi Taklimat Keempat Mengenai Potensi Peluang-peluang Perniagaan di Sektor Penternakan dan Perikanan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 September. - Seramai 70 peserta telah menghadiri Sesi Taklimat Keempat Mengenai Potensi Peluang-peluang Perniagaan di Sektor Penternakan dan Perikanan.

Taklimat berkenaan berlangsung di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Para peserta terdiri daripada Ahli Lembaga Koperasi (ALK), pihak pengurusan serta ahli-ahli koperasi aktif.

Penganjuran berkenaan merupakan salah satu inisiatif Unit Pembangunan Koperasi (UPK), Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Selain itu, sesi taklimat juga sebagai salah satu usaha UPK untuk menggalakkan

koperasi-koperasi meneroka bidang perniagaan baharu, khususnya dalam sektor penternakan dan perikanan.

Sesi taklimat dimulakan dengan pembentangan dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan melalui Bahagian Industri Ternakan dan Perkhidmatan Veterinar, diikuti dengan sesi perkongsian *success story* daripada syarikat tempatan yang disampaikan oleh Mohammed Norfaizal bin Haji Zainuddin dan Anak-anak.

Taklimat mengongsikan pengalaman praktikal dalam mengembangkan perniagaan dalam bidang penternakan.

Taklimat kemudian diteruskan dengan pembentangan dari

Jabatan Perikanan yang menyampaikan berkaitan hala tuju, dasar serta garis panduan sektor berkenaan.

Sesi juga turut diperkaya dengan perkongsian pengalaman oleh pengusaha tempatan, Syarikat Rizqussalam, yang antara lain mengongsikan mengenai pengalaman praktikal dalam mengembangkan perniagaan

dalam bidang pemprosesan makanan laut di sektor perikanan.

Sesi taklimat diakhiri dengan lawatan ke Projek Ladang Ternakan Lampaki, Jalan Mulaut Lampaki, Kampung Mulaut, yang memberi peluang kepada para peserta untuk menyaksikan secara langsung amalan terbaik dalam pengurusan operasi perniagaan.

Melalui lawatan yang diadakan ia diharap dapat mencetuskan inspirasi dan idea baharu bagi koperasi-koperasi untuk memperluaskan penglibatan mereka dalam sektor penternakan dan perikanan, seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan pada masa hadapan.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun

PenggunaBijak

Available on the App Store | Get it on Google play

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :
1.'Akhlak Rasulullah : Cermin Diri Seorang Mukmin'. Tarikh Tutup : 24 September 2025
2.'Menjaga Hutan, Menyelamatkan Masa Depan'. Tarikh Tutup : 1 Oktober 2025
3.'Teknologi dan Masa Depan Pendidikan Anak Bangsa'. Tarikh Tutup : 8 Oktober 2025

TERMA DAN SYARAT :
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

DARI MAHKAMAH

Lelaki tempatan didenda miliki pelbagai jenis rokok

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

TUTONG, Sabtu, 20 September. - Seorang lelaki warganegara tempatan dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND16,090 atau 13 bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret, Hajah Normazdina binti Haji Md. Maskub, menjatuhkan hukuman berkenaan ke atas Awang Mohammad Shahrol bin Roslani, berumur 22 tahun di Mahkamah Majistret hari ini.

Defendan mengaku bersalah dan didakwa memiliki 16 karton dan 18 paket rokok pelbagai jenis tanpa kebenaran yang sah.

Defendan ditangkap oleh anggota-anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Tutong bersama pegawai-pegawai penguatkuasaan, Bahagian Komersial dan Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di rumah kawasan Kampung Keriam, Tutong pada 16 April 2025, jam 11.51 malam.

Semua barang yang terlibat, iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan kepada pihak kerajaan bagi tujuan pelupusan. Manakala, satu unit telefon bimbit dihukum rampas untuk diserahkan kepada pihak kerajaan bagi tindakan selanjutnya.

BERI SEMANGAT, DORONGAN SERTA MOTIVASI SEBELUM MENDUDUKI PEPERIKSAAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 September. - Pegawai Perkembangan Ugama di Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi antara lain menerangkan tip mukmin berjaya daripada Allah Subhanahu Wata'ala sendiri sepertimana yang terdapat dalam Al-Quran, iaitu Surah Al-Mu'minun, ayat 1 hingga 11.

Menurutnya, tip antara lain menggariskan seperti khusyuk (fokus) dengan latihan sembahyang, menjauhkan

daripada perkara-perkara tidak bermanfaat, menjaga kehormatan diri dengan menjauhkan daripada maksiat, memenuhi janji dan amanah sebagai seorang pelajar serta menjaga ibadah sembahyang.

Tambah Awang Ahmad Muzhafar lagi, tip berkenaan boleh diamalkan oleh sesiapa sahaja yang mahukan kejayaan.

Pada Majlis Solat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin dan Ceramah Motivasi bagi pelajar Tahun 8 dan Tahun 11 sebelum

menghadapi Peperiksaan School Progress Examination (SPE) dan Brunei-Cambridge GCE Peringkat 'O' Tahun 2025, Awang Ahmad Muzhafar selanjutnya menyatakan beberapa tip berjaya melalui singkatan 8S, iaitu 'sendiri' ialah kita mesti ubah hidup, mulakan dengan ubah diri sendiri dan jangan salahkan orang lain atas kegagalan.

Kemudian katanya lagi, 'sikap positif', iaitu para pelajar mesti memiliki sikap positif dalam diri jika mahukan kejayaan, manakala 'strategi', iaitu S.A.T.U (sedia awal, tumpuan dan tanya, serta ulang kaji).

Di samping itu jelasnya, 'sayangi masa', iaitu jangan bazir masa dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah; manakala 'sasaran' pula adalah untuk menetapkan matlamat dalam peperiksaan.

Kemudian katanya lagi, 'sungguh-sungguh', iaitu para pelajar harus buat yang terbaik dalam menghadapi peperiksaan, sementara 'serah' pula adalah bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala selepas

melakukan segala usaha. Dan 'santuni ibu bapa' pula bahawa sebagai seorang pelajar, keberkatan daripada doa ibu bapa sangat kita harapkan.

Solat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkih, Kampung Kiarong, Awang Ahmad Syafiq bin Haji Osman.

Majlis anjuran Jabatan IRK & Bahasa Arab (IRK) dan Bahasa Arab dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) Sesi 2021 hingga 2025 berkenaan dihadiri lebih 300 pelajar dan juga tenaga pengajar serta ibu bapa dan penjaga pelajar sekolah berkenaan.

Tujuan Solat Hajat dan membaca Surah Yaa Siin adalah salah satu usaha pihak sekolah untuk sama-sama memohon doa dan hajat kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya mengharapkan keredaan dan keberkatan bagi pelajar-pelajar Tahun 8 dan Tahun 11 sebelum menghadapi peperiksaan awam yang akan datang, iaitu SPE dan GCE 'O' Level.

Bukan itu sahaja, ceramah motivasi anjuran PIBG SM SMJA



PEGAUWI Perkembangan Ugama di Pusat Da'wah Islamiah, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi semasa menyampaikan ceramah.

bertujuan untuk memberi semangat dan dorongan serta motivasi belajar sebelum menduduki Peperiksaan SPE dan Brunei-Cambridge GCE Peringkat 'O'.

Selain itu, tujuannya adalah untuk meningkatkan keyakinan diri pelajar dan memberikan panduan dalam pengurusan masa yang berkesan dan mengatasi tekanan stres menjelang peperiksaan nanti.

Di samping itu juga, para pelajar juga dapat memohon keampunan daripada ibu bapa serta keredaan guru-guru atas ilmu yang telah mereka curahkan.



ANTARA yang hadir pada Majlis Solat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin dan Ceramah Motivasi.

Tajaan pakaian seragam lengkap Pasukan Terbuka 1123 Pengakap MKM



SKIP Bolhassan bin Haji Abu Bakar semasa ditemu bual (atas), manakala gambar kanan, Ahli-ahli Pasukan Terbuka 1123 Pengakap MKM akan menjalani latihan yang diadakan dua kali dalam sebulan.



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 September. - Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) baru-baru ini telah menubuhkan Pasukan Terbuka 1123 Pengakap MKM yang telah didaftarkan secara rasmi di Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) pada 8 September 2025 lalu.

Pasukan pengakap tersebut adalah di bawah Kategori Bahagian Pengakap Muda dan Remaja serta keahliannya khusus untuk anak-anak dari keluarga kurang berkemampuan di bawah kawal selia MKM.

Objektif penubuhan pasukan ini adalah untuk memberi peluang kepada anak-anak daripada keluarga kurang berkemampuan mengikuti kegiatan berpengakap, agar mereka tidak berasa tersisih dan ia selaras dengan matlamat 'Leave No One Behind' (LNOB) di mana telah termaktub dalam Agenda 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

untuk Pembangunan Mampan dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) iaitu komitmen global untuk membasmi kemiskinan, menamatkan diskriminasi dan pengecualian serta mengurangkan ketidaksamaan.

Justeru, Yang Dipertua MKM, Awang Mohd. Yusof Shaik Abdul Halim selaku penganjur telah bermurah hati menaja pakaian seragam lengkap pengakap termasuk skarf dan 'log book' untuk ahli-ahli yang berdaftar.

Bertindak selaku Pemimpin Pasukan Terbuka 1123 Pengakap MKM ialah Skip Bolhassan bin Haji Abu Bakar, manakala Penolong Pemimpin ialah Skip Rohani binti Haji Masri di mana waran bagi pemimpin dan penolong pemimpin pasukan telah dikeluarkan pada 8 September 2025.

Skip Bolhassan semasa ditemu bual antara lain menjelaskan, Ahli-ahli Pasukan Terbuka 1123 Pengakap MKM akan menjalani latihan yang diadakan dua kali dalam sebulan di kawasan luar Pejabat MKM di Anggerek Desa.

Beliau berharap dengan adanya program yang diselenggarakan itu, Ahli-ahli Pasukan Terbuka 1123 Pengakap MKM akan dapat memupuk rasa kekitan terhadap masyarakat selain menumpukan perhatian menerusi pendidikan atau pembelajaran di luar bilik darjah.

"Kami menerapkan nilai-nilai murni menerusi aktiviti-aktiviti yang lazim dilakukan oleh ahli-ahli pengakap dan secara tidak langsung tidak merasa tersisih dan malah mereka juga bersama-sama dapat merasakan kegiatan berpengakap," jelas Skip Bolhassan lagi.

Lantern Ride : Beri pendedahan teknik menunggang motosikal dengan betul



YANG Dipertua PEMODA, Pengiran Haji Redzuan bin Pengiran Haji Ahmad semasa sesi bergambar ramai.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Persatuan Motosikal Darussalam

BELAIT, Ahad, 21 September. - Seramai 70 Ahli Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) telah menyertai Lantern Ride 2025 sempena Sambutan Maulidur Rasul 1447 Hijrah dan Sambutan Hari Guru 2025.

Lantern Ride 2025 berkenaan diisikan dengan program jelajah masjid serta menyusuri kampung dan pada tahun ini, Kampung Labi sekali lagi menjadi tempat tumpuan acara diadakan.

Rombongan konvoi PEMODA memasuki Kampung Labi yang diketuai oleh Yang Dipertua PEMODA, Pengiran Haji Redzuan bin Pengiran Haji Ahmad.

Ketibaan rombongan di Masjid Kampung Labi dialu-alukan oleh Ketua Kampung Labi 1, Awang Hanapi bin Mohd. Siput; dan Imam Masjid Kampung Labi, Awang Abdul Qadir bin Osman.

Rombongan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, kemudian program diserikan dengan Dikir Marhaban oleh Ahli-ahli PEMODA.

Acara diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah di masjid berkenaan dan seterusnya menikmati jamuan yang telah disediakan.

Sebelum meninggalkan masjid, Yang Dipertua PEMODA menyampaikan cenderamata kepada Ketua Kampung Labi 1 dan Imam Masjid Kampung Labi serta bergambar ramai.

Tujuan utama program berkenaan adalah sebagai persediaan bagi ahli-ahli yang akan menyertai Kalimantan Ride 2025 - Road to Festival Antarabangsa Motosikal Berkuasa Tinggi Kepulauan Borneo (BIIBBF) Ke-23 pada 17 hingga 19 Oktober depan selain memberi pendedahan kepada para ahli teknik menunggang motosikal melalui jalan-jalan kecil dan kawasan pedalaman terutama sekali pada waktu malam.

Melalui aktiviti yang dianjurkan juga, para ahli sedikit sebanyak dapat bersama-sama meluangkan masa untuk solat berjemaah dan mengenali kampung pedalaman yang jarang-jarang didengari dan dikunjungi.

Selain itu, ia juga dapat mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan para ahli bersama penduduk kampung dan sekitarnya.



Guru penggerak utama sistem pendidikan yang relevan

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

SETIAP kali tiba Hari Guru, kita sering mendengar ucapan-ucapan terima kasih kepada para guru yang mendidik kita dan anak-anak kita dengan penuh dedikasi. Hari Guru juga merupakan detik para guru sendiri merenung dan menilai semula falsafah pegangan mereka selama ini sebagai penyampai ilmu.

Pada setiap 23 September di Negara Brunei Darussalam (NBD), merupakan tarikh yang cukup bermakna bagi insan yang bergelar guru, tarikh tersebut dipilih adalah bagi mengiktiraf sumbangan dan jasa guru terhadap agama, bangsa dan negara. Dalam semangat yang sama, Sambutan Hari Guru juga merupakan ruang refleksi bagi kita memikirkan sejauh manakah kita menghargai jasa guru-guru di negara ini.

Di NBD Sambutan Hari Guru diraikan pada setiap tahun sebagai tanda penghargaan kepada insan yang telah banyak berkorban demi mendidik anak bangsa. Tema Hari Guru bagi tahun ini ialah 'Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi', satu tema yang sangat bermakna dan tepat dengan cabaran dunia pendidikan masa kini. Tema ini menunjukkan bahawa guru bukan sekadar penyampai ilmu, malah mereka juga berperanan besar dalam membawa perubahan dan penambahbaikan dalam sistem pendidikan negara.

Dalam konteks ini, guru adalah penggerak utama kepada penambahbaikan dalam sistem pendidikan agar lebih relevan dan efektif mengikut peredaran zaman. Maka guru hari ini bukan lagi guru konvensional yang hanya mengajar berdasarkan buku teks tetapi mereka harus menjadi pendidik yang inovatif, menguasai teknologi serta berupaya membentuk pemikiran kritis dan

sahsiah murid. Tujuan Sambutan Hari Guru diraikan adalah untuk mengenang dan menghargai jasa serta bakti guru-guru selama ini. Pengorbanan guru terhadap kita amat besar sekali.

Tanpa guru, kita sudah tentu susah untuk mendapatkan pelajaran dan pengajaran dengan sempurna. Guru diibaratkan sebagai sebatang lilin yang sanggup membakar diri demi murid-muridnya. Oleh itu, jasa guru patutlah dikenang dan disanjung tinggi.

Guru adalah seperti ibu bapa kita sendiri. Mereka membimbing dan mendidik kita supaya menjadi insan yang berguna.

Peranan guru dalam era digital

Reformasi pendidikan yang ketara pada masa kini adalah penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sejak dunia dilanda pandemik COVID-19, sistem pendidikan terpaksa berubah secara drastik daripada pembelajaran bersemuka kepada pembelajaran secara dalam talian. Dalam tempoh mencabar ini, guru telah membuktikan kemampuan mereka untuk menyesuaikan diri dengan norma baharu.

Ramai guru yang dahulunya kurang arif tentang teknologi, kini mampu mengendalikan kelas dalam talian, menggunakan aplikasi seperti Google Meet, Zoom, Google Classroom dan pelbagai platform pembelajaran digital. Mereka juga mencipta kandungan kreatif seperti video pembelajaran, kuiz interaktif dan modul e-Pembelajaran. Jelaslah bahawa guru ialah tulang belakang dalam merealisasikan reformasi pendidikan digital di negara kita.

Guru sebagai pembentuk jati diri

Selain menyampaikan ilmu pengetahuan, guru juga berperanan penting dalam

membentuk sahsiah murid. Nilai-nilai murni seperti kejujuran, tanggungjawab, kasih sayang, hormat-menghormati dan semangat kerjasama diajar oleh guru di dalam dan di luar bilik darjah. Guru menjadi contoh teladan kepada murid bukan sahaja melalui kata-kata, tetapi juga melalui perbuatan dan sikap harian mereka.

Dalam era reformasi ini, pendidikan bukan sahaja tertumpu kepada akademik tetapi turut merangkumi pembangunan karakter, kemahiran insaniah dan daya tahan mental. Guru memainkan peranan sebagai mentor dan kaunselor yang membantu murid mengurus emosi dan tekanan. Hal ini sangat penting dalam melahirkan generasi yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Cabaran yang dihadapi guru

Namun begitu, tanggungjawab sebagai seorang guru bukanlah sesuatu yang mudah. Guru terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti beban kerja yang bertambah, tekanan untuk mencapai keputusan peperiksaan yang cemerlang, dan kurangnya sokongan daripada pihak tertentu. Selain itu, mereka juga perlu sentiasa mengikuti kursus pembangunan profesional bagi memastikan mereka selari dengan perubahan dasar pendidikan dan kehendak industri.

Dalam mendepani cabaran ini, guru perlu sentiasa mempunyai semangat juang yang tinggi, minat yang mendalam terhadap profesion perguruan serta kesediaan untuk terus belajar dan berubah. Sokongan daripada pihak sekolah, ibu bapa, dan masyarakat amat penting agar guru tidak berasa keseorangan dalam memacu perubahan yang besar ini.

Penghargaan buat warga pendidik

Sebagai murid, mereka seharusnya menghargai segala jasa dan pengorbanan guru. Kita perlu menunjukkan disiplin, menghormati guru, mendengar nasihat mereka dan sentiasa berusaha menjadi murid yang baik. Ucapan 'terima kasih cikgu' mungkin nampak ringkas, tetapi sangat bermakna buat mereka yang ikhlas mencurahkan ilmu. Di samping itu, pihak kerajaan dan masyarakat juga perlu memastikan kebajikan guru sentiasa terpelihara agar mereka dapat terus menyumbang secara efektif kepada pembangunan negara.

Kesimpulan

Kesimpulannya, guru ialah tonggak utama dalam menjayakan reformasi pendidikan. Tanpa guru yang berdedikasi dan bersemangat, segala usaha pembaharuan dalam pendidikan tidak akan berhasil. Tema Hari Guru 2025 iaitu 'Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi' bukan sekadar slogan tetapi satu pengiktirafan terhadap peranan besar guru dalam membentuk masa depan negara. Marilah kita semua menghargai guru dan menyokong usaha mereka demi melahirkan generasi yang lebih cemerlang dan berdaya saing.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan ganjaran pahala yang berpanjangan serta rahmat kepada para guru dan pendidik. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

"Selamat Hari Guru! Terima kasih telah menjadi pelita dalam kegelapan dan membimbing anak bangsa menuju masa depan yang lebih baik".



REPUBLIK PERSEKUTUAN RUSIA ANGGAP MALAYSIA RAKAN STRATEGIK, DIPERCAYAI DALAM PERKUKUH KERJASAMA SERANTAU



KUALA LUMPUR, 20 Sept. - Republik Persekutuan Rusia menganggap Malaysia sebagai rakan strategik dan dipercayai dalam memperkukuh kerjasama serantau, sambil memuji kepimpinan negara sebagai Pengerusi ASEAN dan tuan rumah Perhimpunan Agung Antara Parlimen ASEAN (AIPA GA) ke-46. Ketua Delegasi Republik Persekutuan Rusia ke Perhimpunan Agung AIPA ke-46, Sholban Kara-Ool turut memuji pendekatan pragmatik Malaysia dalam menetapkan agenda serta usahanya menangani cabaran serantau yang mendesak, termasuk transformasi digital, kelestarian ekologi dan pemulihan ekonomi.

"Malaysia memainkan peranan penting dalam diplomasi serantau dan kerjasama ekonomi. Itulah sebabnya Presiden kami, Vladimir Putin memberi perhatian besar terhadap usaha memperkukuh hubungan dengan Malaysia," katanya kepada Bernama di luar Perhimpunan Agung AIPA ke-46.

Perhimpunan itu berlangsung di Kuala Lumpur dari 16 hingga 22

September 2025.

Sholban, yang juga Timbalan Pengerusi Duma Negeri Persekutuan Rusia, menekankan momentum baharu dalam hubungan dua hala selepas dua lawatan bersejarah berprofil tinggi tahun ini - oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim - ke Republik Persekutuan Rusia yang menyaksikan pemeteraian beberapa perjanjian kerjasama.

Sultan Ibrahim berkenan mengadakan Lawatan Negara sulung ke Republik Persekutuan Rusia pada Ogos atas undangan Putin.

Lawatan itu digambarkan sebagai bersejarah kerana ia merupakan Lawatan Negara pertama oleh Ketua Negara Malaysia ke Republik Persekutuan Rusia sejak hubungan diplomatik terjalin pada 1967.

Terdahulu pada Mei, Anwar melakukan lawatan rasmi ke Republik Persekutuan Rusia, menandakan kejayaan diplomatik penting serta memperkukuh hubungan Kuala Lumpur-Moscow,

yang juga merupakan lawatan rasmi pertama oleh pemimpin Malaysia ke negara itu dalam tempoh hampir 20 tahun.

Sepanjang lawatan berkenaan, Republik Persekutuan Rusia dan Malaysia membincangkan beberapa bidang kerjasama lebih erat, termasuk cadangan penerbangan terus antara Moscow dan Kuala Lumpur serta menyelesaikan cabaran berkaitan transaksi kewangan dan penyelesaian perdagangan.

Menurut Sholban, jaringan udara secara terus akan memberi lonjakan besar kepada pelancongan dan pertukaran ekonomi, sambil menegaskan negara yang mempunyai hubungan sedemikian mencatatkan peningkatan ketara dalam ketibaan pelancong Republik Persekutuan Rusia.

"Kewujudan penerbangan terus antara Moscow dan bandar seperti Bangkok membolehkan Thailand menarik lebih ramai pelancong Republik Persekutuan Rusia.

"Kami percaya Malaysia mempunyai potensi sama, dan

kami bersedia bekerjasama untuk menjadikannya kenyataan," katanya.

Republik Persekutuan Rusia turut mengiktiraf kepimpinan Malaysia dalam mengemudi perbincangan AIPA mengenai isu berorientasikan masa depan, termasuk tindak balas perundangan terhadap pendigitalan dan transformasi alam sekitar.

Delegasi itu menekankan bahawa kemampuan Malaysia menggabungkan kedinamikan ekonomi dengan kestabilan sosial menawarkan pengajaran berharga, khususnya bagaimana kerangka legislatif boleh menyokong pembangunan seimbang dan inklusif.

"Kami amat berminat dengan cara Malaysia mengawal selia transformasi digital dan ekologi melalui perundangan, kerana kami percaya manusia mesti sentiasa menjadi tumpuan dalam penggubalan dasar," kata Sholban.

Sholban juga menyambut baik inisiatif Malaysia memperkukuh hubungan antara rakyat, termasuk

pertukaran belia dan kerjasama pendidikan, yang pada masa kini seramai 750 pelajar Malaysia sedang menuntut di Republik Persekutuan Rusia, dengan 250 daripadanya ditaja sepenuhnya oleh kerajaan Republik Persekutuan Rusia.

Sebagai sebahagian usaha meningkatkan diplomasi antara Parlimen, mesyuarat berprofil tinggi antara Speaker Parlimen Malaysia dan Pengerusi Majlis Persekutuan Rusia dijadual berlangsung pada Oktober.

"Kepengerusian Malaysia dalam ASEAN tahun ini mencerminkan komitmen jelas terhadap keamanan, kemakmuran dan dialog konstruktif serantau.

"Kami berbesar hati menyokong usaha ini dan memperdalam kerjasama kami," katanya.

Perhimpunan Agung AIPA ke-46 menghimpunkan penggubal undang-undang dari negara anggota ASEAN dan rakan dialog bagi menggalakkan kerjasama legislatif serta menangani cabaran serantau bersama. - ©BERNAMA

Pasukan bantuan perubatan China melayani 6.7 juta pesakit Maghribi dalam 50 tahun

SHANGHAI, 21 Sept. - Pasukan bantuan perubatan China telah menyediakan perkhidmatan perubatan kepada 6.7 juta pesakit Maghribi sejak 1975, menurut acara menandakan ulang tahun ke-50 China menghantar pasukan perubatan ke Maghribi, yang diadakan Sabtu di Shanghai.

Pada September 1975, atas

jemputan Maghribi, kerajaan China mula menghantar pasukan perubatan untuk bekerja di negara itu. Sepanjang lima dekad yang lalu, China telah menghantar sejumlah 2,025 pekerja perubatan dalam 197 kelompok ke Maghribi.

Pasukan China menyumbangkan peralatan perubatan kepada

hospital penerima tempatan, menyokong penubuhan prosedur diagnosis dan rawatan piawai dan menjalankan latihan mengenai teknologi, dengan itu menyumbang kepada peningkatan kebolehpasaran dan kemampunan perkhidmatan perubatan Maghribi.

Li Juan, seorang pegawai Suruhanjaya Kesihatan

Kebangsaan, berkata China bersedia untuk memperdalam kerjasama kesihatan dan pertukaran antara kedua-dua negara. Di tapak acara,

satu majlis telah diadakan untuk pemergian kumpulan ke-198 pasukan perubatan China yang membantu Maghribi. - ©XINHUA



PAKAR oftalmologi Jin Xi dari Pasukan Perubatan China memeriksa mata seorang kanak-kanak semasa aktiviti rawatan perubatan percuma di Taza, Maghribi pada 12 Januari 2023.

Ribuan artifak dirampas dalam serbuan anti-penyeludupan di Istanbul

ISTANBUL, 20 Sept. - Polis Turkiye merampas ribuan artifak bersejarah, termasuk sebuah panel kaligrafi yang disenaraikan dalam pangkalan data Interpol mengenai artifak seni dicuri selama 20 tahun, dalam beberapa operasi anti-penyeludupan di seluruh Istanbul, lapor Xinhua yang memetik penyiar NTV.

Menurut laporan NTV, antara Jun dan September, polis melancarkan 11 serbuan di daerah

Fatih, Sisli, Esenyurt, Bagcilar, Kadikoy dan Besiktas, serta menahan 15 suspek.

Antara barangan yang dirampas ialah 1,771 keping mozek yang dipercayai berasal dari zaman empayar Greek dan Rom, serta 2,627 keping syiling emas, perak, gangsa dan nikel dipercayai milik era Greek, Rom, Abbasiyah, Umayyah, Byzantine, Uthmaniyah dan Seljuk Anatolia.

Turut dirampas ialah 454 artifak

dari zaman Uthmaniyah termasuk pistol, belati, pedang, kaki lilin, piala, cop mohor dan ikon keagamaan, selain 47 gelang gading.

Laporan itu menyebut artifak berkenaan akan diserahkan kepada Direktorat Am Yayasan, Muzium Arkeologi Istanbul, Muzium Sejarah Hagia Sophia, serta Muzium Seni Turki dan Islam selepas prosedur rasmi diselesaikan. - ©BERNAMA

Polis tutup jalan utama Kerteh-Ranggon susulan gas bocor

CHUKAI, 20 Sept. - Polis menutup laluan utama Kerteh-Ranggon kepada semua kenderaan susulan kebocoran paip gas Petronas Berhad (PGB) di Tapak Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) Seksyen 5, Kerteh, di sini pagi tadi.

Ketua Polis Daerah Kemaman Supt Mohd. Razi Rosli berkata pihaknya telah menerima panggilan kecemasan pada 9.53 pagi yang melaporkan terdapat kebocoran paip gas jenis butane dalam bentuk gas mudah terbakar.

Beliau berkata lokasi kebocoran terletak kira-kira dua kilometer dari

jalan utama dan tidak melibatkan kawasan perkampungan atau kediaman penduduk.

"Langkah awal pihak polis ialah menutup sepenuhnya kawasan kejadian daripada akses orang awam dan pekerja. Bekalan gas di saluran paip gas yang bocor juga telah diberhentikan dan ditutup untuk sementara hingga selesai kerja penyelenggaraan oleh kontraktor.

"Laluan utama Kerteh-Ranggon juga ditutup kepada semua kenderaan bagi tujuan keselamatan manakala Pusat Kawalan Tempak Kejadian (PKTK) juga telah diaktifkan," katanya

dalam kenyataan hari ini.

Mohd. Razi berkata pihak berkuasa sedang memantau situasi dengan rapi dan orang awam dinasihatkan tidak menghampiri lokasi kejadian bagi mengelak insiden tidak diingini.

Selain itu, beliau berkata polis juga akan menyalurkan maklumat dari semasa ke semasa dan orang awam diminta mematuhi arahan keselamatan yang dikeluarkan.

"Sebarang maklumat boleh disalurkan kepada bilik gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kemaman di talian 09-8592222," katanya. - ©BERNAMA

Sekurang-kurangnya 3 maut dalam letupan di loji pemprosesan di selatan Republik Itali

ROM, 20 Sept. - Satu letupan di sebuah loji pemprosesan sampah berhampiran bandar Naples, selatan Republik Itali, telah meragut sekurang-kurangnya tiga nyawa lelaki dan mencederakan dua lagi, manakala seorang masih hilang, menurut pihak berkuasa tempatan, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Letupan itu dilaporkan berlaku semasa kerja penyelenggaraan di loji berkenaan di Marcianise, utara Naples.

Butiran lanjut mengenai insiden itu pada awalnya tidak didedahkan pihak berkuasa.

Berdasarkan maklumat awal, mangsa dipercayai terkena gelombang tekanan akibat letupan dalam sebuah tangki berisi minyak terpakai yang menyebabkan mereka tercampak beberapa meter.

Seorang daripada yang maut ialah pemilik syarikat berkenaan.

Pasukan bomba telah dikerahkan ke lokasi kejadian dengan kekuatan penuh. - ©BERNAMA

LEBIH 100 SERTAI MEMORY WALK



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyempurnakan Memory Walk anjuran bersama oleh Demensia Brunei, Makan Ceria Sdn. Bhd. dan Jerudong Park Country Club Sdn. Bhd. serta disokong oleh D'Sunlit Sdn. Bhd.

Siaran Akhbar dan Foto : Ihsan Demensia Brunei

JERUDONG, Ahad, 21 September. - Lebih 100 peserta telah menyertai Memory Walk anjuran bersama oleh Demensia Brunei, Makan Ceria Sdn. Bhd. dan Jerudong Park Country Club Sdn. Bhd. serta disokong oleh D'Sunlit Sdn. Bhd. yang berlangsung Jerudong Park Colonade bagi meningkatkan kesedaran dan sokongan terhadap mereka yang hidup dengan Alzheimer dan Demensia serta para penjaga mereka.

Hadir menyempurnakan acara ini ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Turut hadir, Timbalan Pengurus Besar Makan Ceria Sdn. Bhd., Awang Haji Mohammad Munir Syafiq bin Dato Paduka Awang Haji Metassan; Pengurus Besar Jerudong Park Country Club Sdn. Bhd., Dayang Hajah Siti Norzalena binti Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman bersama pegawai kanan masing-masing serta Ahli Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) dari Daerah Brunei Muara, Tutong dan Temburong.

Terdahulu, wakil Demensia Brunei, Dr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Md. Kassim dalam ucapannya menyatakan bahawa September merupakan bulan Alzheimer Sedunia, iaitu kempen antarabangsa bagi meningkatkan kesedaran mengenai Demensia dan mencabar stigma.

Setiap tahun katanya, Persatuan Demensia Brunei bersama semua pihak yang berkaitan dalam rawatan, penjagaan serta sokongan kepada individu yang hidup dengan Demensia dari seluruh dunia bergabung untuk menganjurkan acara advokasi dan penyampaian maklumat, termasuk Memory Walk.

"Di Negara Brunei Darussalam, jumlah penduduk kita kecil dibandingkan dengan negara-negara lain oleh itu cabarannya lebih besar. Kajian The Lancet Global Burden of Disease Study 2019, melaporkan terdapat kira-kira 1,574 pesakit disahkan menghidap Demensia pada tahun 2019 di negara kita dan jumlah ini dianggarkan akan meningkat kepada 7,317 kes menjelang tahun 2050," jelasnya.

Menurut beliau lagi, apabila usia meningkat, risiko Demensia juga menjadi lebih tinggi dan ini bermakna lebih banyak keluarga akan menghadapi kesukaran untuk menjaga orang tersayang, lebih banyak keperluan penjagaan kesihatan akan timbul dan lebih banyak sokongan akan diperlukan daripada kita semua iaitu dari ahli keluarga, jiran, masyarakat dan negara secara keseluruhan.

Adapun tujuan diadakan acara ini adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai Demensia dan penyakit Alzheimer serta kesannya kepada individu, keluarga dan masyarakat. Selain itu, memberi sokongan kepada mereka yang hidup dengan Alzheimer dan Demensia lain serta penjaga mereka dan menggalakkan pencegahan, pengesanan awal dan diagnosis.

Demensia bukanlah sebahagian normal daripada penuaan. Orang ramai boleh mengambil langkah untuk mengurangkan risiko : kekal aktif, mengamalkan pemakanan sihat, mengawal tekanan darah, diabetes dan penyakit jantung, sentiasa mengasah minda, kekal aktif secara mental serta mengekalkan hubungan sosial.

Kasuka FC tumpaskan Wijaya FC, 7 – 1

**Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hasif Matzin**

BERAKAS, Sabtu, 20 September. - Kasuka FC berpesta jaringan apabila berjaya menumpaskan Wijaya FC dengan jaringan 7 – 1, pada perlawanan Liga Super Brunei (Brunei Super League - BSL) bagi Musim 2025 / 2026 bertempat di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Walaupun Wijaya FC berjaya

membuat kejutan jaringan awal menerusi Muhammad Bazli Aminuddin seawal minit ke-8, namun Kasuka FC berjaya menyamakan kedudukan pada minit ke-14 menerusi Hugo De Oliveria Januario.

Kasuka FC terus mengasak kubu pertahanan Wijaya FC secara bertubi-tubi sehingga berjaya menghadihkan tiga lagi gol

menerusi Pedro Conceicao Alves pada minit ke-18, ke-29 dan ke-38.

Dengan penguasaan perlawanan, Kasuka FC menambah lagi jaringan kelima seminit sebelum separuh masa pertama tamat menerusi jaringan Mohammad Alinur Rashimy Awang Haji Jufri.

Beberapa minit babak kedua perlawanan berjalan, Hugo De Oliveria Januario memastikan Kasuka FC terus selesa dengan menjaringkan gol keenam pada minit ke-48.

Kasuka FC terus bijak mengatur serangan demi serangan, sekali gus menambah derita pihak lawan. Gol terakhir hadir pada minit ke-94 menerusi penyerang berpengalaman, Adi Said bagi memastikan kemenangan bergaya buat pasukannya, Kasuka FC.

Keputusan 7 - 1 sehingga wisel penamat dibunyikan.

Perlawanan BSL 2025 / 2026 akan diteruskan pada 21 September 2025, dengan KB FC akan bertembung dengan Hawa FC bertempat di Padang Arena Seria pada jam 4.00 petang.

Manakala, Lun Bawang FC akan dijadualkan menentang MS ABDB bertempat di Padang 'A', Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) juga pada jam yang sama.



ANTARA aksi perlawanan di antara Kasuka FC menentang Wijaya FC pada perlawanan Liga Super Brunei bagi Musim 2025 / 2026.

Mempromosi kesihatan, memperkukuh usahawan wanita

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

>> Muka 24

Dengan memupuk pemberdayaan, pendidikan, dan pertumbuhan yang didorong oleh komuniti, acara berkenaan menyumbang kepada matlamat Wawasan Brunei 2035, terutamanya dalam memelihara masyarakat yang berpendidikan dan berjaya, menggalakkan penyertaan aktif wanita dalam ekonomi dan mengukuhkan inklusiviti sosial untuk memastikan kemakmuran untuk semua.

PTGOC kekal komited kepada inisiatif yang menyokong aspirasi Wawasan Brunei 2035, membina negara yang progresif dan inklusif dengan setiap individu mempunyai peluang untuk berkembang maju.

Untuk maklumat lanjut mengenai Perbadanan TAIB Group of Companies dan tawaran mereka, lawati www.taib.com.bn, www.insuranstaib.com.bn atau www.darussalam.com.bn.

Kekal berhubung dan ikuti kami di Instagram : @taib.bn, @insuranstaib, @darussalamholdings, @darussalamservices.traveltours dan @darussalamservices.hajiumrah dan @taibfillingstation.

XBPS, XSOASC anjur Pertandingan Boling sempena Hari Keputeraan

**Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah dan sagu hati kepada penerima.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 September. - Seramai 21 pemain terdiri daripada bekas penuntut-penuntut Sekolah Persediaan Inggeris (Brunei Prepetory School - XBPS) dan Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien (XSOASC) menyertai Pertandingan Boling bersempena dengan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun.

Pada pertandingan yang diadakan di Utama Bowling Batu Satu, di sini, menyaksikan Pasukan GBT berjaya mengumpul jatuhan pin sebanyak 1,476 dan muncul tempat pertama manakala Pasukan Dirgahayu 79 tempat kedua dengan meraih 1,285 jatuhan pin diikuti Pasukan Ballbusters Team tempat ketiga dengan mengumpul 1,247 jatuhan pin.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah dan sagu hati ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Kementerian Pendidikan, Pengiran Dr. Mohammad Iskandar bin Pengiran Haji Petra.

Menurut Pengerusi Pertandingan, Pengiran Md. Jeffrey bin Pengiran Haji Kula, Kumpulan Kelab Sukan Boling bagi bekas penuntut XBPS dan XSOASC mula ditubuhkan pada awal tahun 2019 dan berjaya menganjurkan Fun and friendly Bowling pada 21 April 2019 untuk kali pertama.

"Pemain-pemain adalah terdiri daripada bekas penuntut tahun 70-an, 80-an dan 90-an yang masih aktif dan semangat dalam sukan boling dan kami menjadikan sukan boling sebagai platform untuk mengumpulkan balik bekas penuntut dalam mengeratkan lagi persahabatan yang sudah lama terjalin dari bangku sekolah hingga ke hari ini melalui sukan ini," ujarnya.

Melalui pertandingan ini tambahnya ia juga dihasrat sebagai wadah kepada ahli kumpulan supaya kekal aktif dan cergas ke arah hidup yang lebih sihat.



KAYUHAN SANTAI BERBASIKAL GALAK GAYA HIDUP SIHAT



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat yang seterusnya menyempurnakan pelancaran Kayuhan Santai Berbasikal.

TUTONG, Ahad, 21 September. - Hari Keputeraan Kebawah Duli Bagi menyemarakkan lagi Yang Maha Mulia Paduka Seri Sambutan Perayaan Ulang Tahun Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun, Majlis Perundingan Mukim (MPM) Pekan Tutong dengan kerjasama Jabatan Daerah Tutong serta Pasukan Penggemar Basikal Daerah Tutong telah menganjurkan Acara Kayuhan Santai Berbasikal, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman yang seterusnya menyempurnakan pelancaran kayuhan.

Turut hadir, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri; Penghulu Mukim Pekan Tutong, Awang Haji Salim bin Haji Othman dan para penghulu mukim serta ketua-ketua kampung dan Pemangku Ketua

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

Kampung Daerah Tutong.

Penganjuran kayuhan yang bermula dan berakhir di pekarangan Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong ini diadakan juga bagi menjadi wadah untuk memupuk semangat kekeluargaan, menggalakkan gaya hidup sihat dan mencerminkan kecintaan masyarakat terhadap sukan berbasikal.

Ia juga merupakan salah satu platform yang menyatukan masyarakat, menggalakkan gaya hidup sihat serta mengukuhkan semangat kenegaraan.

Selain penyertaan dari dalam negara, acara ini juga mendapat sambutan daripada peserta luar negara yang datang khas dari Wilayah Persekutuan Labuan dan

Semenanjung Malaysia, pada masa yang sama mencerminkan hubungan erat dan sokongan berterusan antara komuniti serantau.

Acara ini dibahagikan kepada dua kategori melibatkan kayuhan santai bersama tetamu kehormat dengan jarak antara 7 hingga 14 kilometer bermula dari Dewan Seri Kenangan, Daerah Tutong menuju ke Pantai Seri Kenangan, Kampung Sengkarai.

Manakala kayuhan jarak jauh sejauh 43 kilometer telah disertai oleh seramai 70 peserta bermula dari Dewan Seri Kenangan menuju ke Kampung Bukit Beruang, berpatah balik melalui Jambatan Penanjong dan berakhir di hadapan Dewan Seri Kenangan, Daerah Tutong.

Mempromosi kesihatan, memperkukuh usahawan wanita

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 September. - Perbadanan TAIB Group of Companies (PTGOC), yang terdiri dari Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) dan anak-anak syarikatnya, iaitu Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad (IITHSB) dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB) awal pagi tadi menganjurkan EmpowHer Run 2025 di Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOAS), Bandar Seri Begawan, di sini.

EmpowHer Marketplace juga turut diadakan di Kawasan Letak Kereta Perbadanan TAIB, Bandar Seri Begawan, yang telah menyatukan lebih 1,200 peserta dalam satu acara komuniti yang menyatukan rakyat Negara Brunei Darussalam dalam meraikan pencapaian wanita dan sumbangan mereka kepada masyarakat.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Acara yang diadakan sempena Hari Wanita Antarabangsa 2025 berkenaan membawa tema 'Untuk Semua Wanita dan Gadis : Hak. Kesamarataan. Pemberdayaan.'

Inti pati larian berkenaan adalah dedikasinya untuk menyokong badan amal tempatan, iaitu Project Women Brunei dan Persatuan Mawar, dengan mengarahkan impak acara ke arah hasil yang bermakna untuk komuniti, dengan 20 peratus daripada hasil pendaftaran larian akan didermakan kepada Project Women Brunei dan Persatuan Mawar.

Dua organisasi berkenaan dipilih kerana kerja mereka mencerminkan semangat EmpowHer Run.

Project Women Brunei menyediakan ruang selamat untuk wanita dan gadis berhubung, belajar, dan mengakses peluang untuk kemandirian ekonomi, dengan fokus khusus tahun ini untuk menyokong ibu muda yang menghadapi halangan untuk pendidikan.

Manakala Persatuan Mawar berakar umbi dalam pendidikan, pemberdayaan, dan nilai-nilai berasaskan keimanan, menjalankan program-program yang meningkatkan kesedaran tentang kesihatan dan kesejahteraan keluarga, membimbing wanita untuk menjadi ejen perubahan dan mempromosi celik kewangan dan ketahanan.

Dengan menyokong badan amal berkenaan, PTGOC memastikan hasil daripada EmpowHer Run secara langsung memberi manfaat kepada inisiatif yang meninggikan martabat wanita, memelihara keluarga, dan menyumbang kepada masyarakat yang lebih berpendidikan dengan nilai-nilai yang mencerminkan kedua-dua komitmen Environmental, Social and Governance (ESG) Perbadanan TAIB dan Wawasan Brunei 2035.

Larian berkenaan menyaksikan sebanyak tiga kategori dibukakan, iaitu Kategori Larian Santai 3 kilometer (km), Kategori Larian Kompetitif 5km dan Kategori Larian Kompetitif 10km.

Pemenang bagi Kategori Larian Kompetitif 5km menerima BND700 (tempat pertama), BND400 (tempat kedua) dan BND200 (tempat ketiga) bersama-sama dengan Merchandise PTGOC.

Manakala pemenang dalam Kategori Larian Kompetitif 10km pula menerima BND1,000 (tempat pertama), BND600 (tempat kedua) dan BND400 (tempat ketiga), bersama-sama dengan Merchandise



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal) hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan hadiah kepada pemenang.

PTGOC.

EmpowHer Marketplace menambah keceriaan kepada acara berkenaan dengan menampilkan pelbagai perniagaan yang diterajui dan dimiliki oleh wanita tempatan, inisiatif komuniti dan rakan-rakan peniaga TGOC.

Di antara 17 peniaga yang menyertai ialah UnikLearn oleh An-Nur Harapan, Flourish by the Home Baker, Barramundi Group, Shine Cycle, Cosmopolitan College, Kiseki Café, Sound Sip Coffee, Taurean Café & Bakeshop, Wing-it, Big BWN Project, Progresif Sdn. Bhd., Happy Cream & Co., Slim Crémeries, Gelatiamo Ice Cream, InkedbyHope, Dpicboxn, dan Rev & Brew Coffee Truck.

Ia menawarkan peluang kepada peserta dan pengunjung untuk menikmati apa yang ditawarkan oleh bakat tempatan sambil meraikan pencapaian usahawan wanita.

Kejayaan EmpowHer Run 2025 dapat direalisasikan melalui sokongan murah hati penaja.

Ini termasuk Northern Trust, D'Sunlit Sdn.

Bhd., Barramundi Group, Mashor General Contractor Sdn. Bhd., Haji Adinin and Sons Sdn. Bhd., Sevencom Enterprise, Anson International, Progresif Sdn. Bhd., Kingston Beverage & Creamery Sdn. Bhd. (MOMA Water), Hui Huang Enterprise (C1000), Cosmopolitan College, Victory Athletes, Concepts Commercial Supplies, Shine Cycle, Hamitan Marketing, McHouse Interior and Décor Sdn. Bhd., Goldmyne Hardware Sdn. Bhd., Tekydoct, Jernik Remittance, GWM Brunei, Samima Sdn. Bhd. dan Aegis Sdn. Bhd.

Sumbangan mereka memastikan acara berkenaan bukan sahaja meraikan wanita tetapi juga memberikan manfaat yang berkekalan kepada masyarakat.

EmpowHer Run 2025 berdiri sebagai inisiatif yang bermakna yang mempromosi kesihatan dan perpaduan sambil memperkukuh keterlihatan usahawan wanita dan menyokong badan amal tempatan.

>> Muka 23

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

ILMU ADALAH PELITA HIDUP YANG AMAT PENTING, SANGAT BERGUNA DALAM KEHIDUPAN